ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Israa, ayat 32.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.35 | SUBUH 4.45 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.40
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 57 | 13 MEI 2026 / 1447 ذوالقعدة 25 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# BERKENAN MENYEMPURNAKAN PELETAKAN BATU ASAS MASJID JUBLI INTAN



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**

**KAMPUNG MATA-MATA**, Isnin, 11 Mei. - Sebagai manifestasi kesyukuran dan bagi memahat peristiwa bersejarah enam dekad pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda telah memperkenankan pembinaan sebuah mercu tanda agung sempena Sambutan Jubli Intan baginda.

Mercu tanda ini bukan sekadar binaan, melainkan sebuah mahligai ibadah yang indah dan permai iaitu Masjid Jubli Intan.

**>> Muka 5**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan di Tapak Pembinaan Masjid Jubli Intan, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata, Kawasan 3, Mukim Gadong 'B'. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi.**

# Berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan, menerima Surat Tauliah Pelantikan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baharu dilantik dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan ke NBD yang baharu. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi. (*Lihat muka 3 hingga 4).***

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama




**MEMBINCANGKAN peluang kerjasama bidang perkhidmatan ugama** Muka 11



**MENGUTAMAKAN kesejahteraan jururawat, bidan, mempertingkatkan kualiti penjagaan pesakit** Muka 12



**TRANSFORMASI digital memperkasa profesion perakaunan** Muka 14



RENCANA

**HARGAI ibu selagi ada, kirimkan doa penuh kasih buat yang telah pergi** Muka 27

# Kerjasama BFI dan Polygel pacu pembangunan Industri hiliran

**Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam sejahtera dan selamat petang semua.**

**SAYA** berbesar hati dapat menyertai awda pada petang ini untuk menyaksikan peristiwa penting dalam landskap perindustrian kita, pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd dan Polygel Intermediates (B) Sdn Bhd.

Penandatanganan MOU pada petang ini menandakan satu lagi langkah ke hadapan dalam peta strategik kami untuk industri Minyak dan Gas Hiliran, yang ianya salah satu daripada lima sektor keutamaan kami dalam Economic Blueprint. Dengan menjamin bekalan bahan mentah penting khususnya, ammonia dan asid nitric serta mengenal pasti peluang pembangunan hiliran dan infrastruktur berkaitan di Sungai Liang Industrial Park (SPARK), hari ini kita menyaksikan usaha berterusan dalam memperkukuhkan asas industri Brunei Darussalam.

Masa kerjasama ini amat bertepatan. Kami baru-baru ini meraikan penubuhan Persatuan Baja Asia Tenggara, di mana BFI berdiri sebagai ahli pengasas dan Negara Brunei Darussalam telah dipilih sebagai lokasi untuk menjadi tuan rumah sekretariat tetap persatuan.

Peranan serantau ini meletakkan BFI di tengah-tengah keselamatan makanan ASEAN dan amalan pertanian mampan. Dengan memperkukuhkan hubungan domestik antara BFI dan Polygel hari ini, kita sedang menunjukkan secara berkesan sinergi serantau yang kita dukung di peringkat antarabangsa.

Kerjasama antara dua Syarikat Berkaitan Kerajaan ini mencerminkan peralihan positif ke arah ekosistem hiliran yang lebih kukuh dan bersepadu. Projek Asid Asetik dan Anilin yang bakal dilaksanakan oleh Polygel Intermediates (B) Sdn Bhd dijangka mempertingkatkan rantaian nilai kami dan akan membuka sinergi yang bermakna antara kedua-dua pihak, terutamanya dalam Integrasi Operasi dan Pembangunan Modal Insan, memanfaatkan kepakaran operasi BFI yang mantap untuk membimbing tenaga kerja tempatan kami dan berkongsi amalan terbaik industri yang penting untuk pertumbuhan jangka panjang.

Saya juga teruja untuk mengetahui bahawa kemudahan Asid Asetik dan Anilin yang akan datang di SPARK mempunyai potensi hiliran yang ketara termasuk Vinyl Acetate Monomer dan Methylene Diphenyl Diisocynate, yang digunakan secara meluas dalam pengeluaran pelekat, salutan dan bahan binaan, selaras dengan Pelan Hala Tuju Industri Minyak dan Gas Hiliran negara.

Projek ini merupakan asas penting bagi usaha kepelbagaian ekonomi Brunei Darussalam. Di peringkat tempatan, ia mewujudkan sempadan baharu untuk pekerjaan bernilai tinggi, khususnya golongan belia kami dalam kejuruteraan dan operasi loji. Di luar sempadan kami, kemasukan Polygel ke pasaran global meletakkan Brunei Darussalam sebagai peserta yang boleh dipercayai dalam rantaian bekalan bahan kimia khusus antarabangsa. Dengan menukar bahan mentah kepada perantaraan yang canggih di SPARK, kami memastikan penyertaan Brunei Darussalam dalam ekonomi global serta secara aktif membentuk masa depan industri hiliran kami.

Tuan-tuan dan puan-puan, oleh itu, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua syarikat atas komitmen mereka untuk membangunkan infrastruktur bersama di SPARK. Sumber yang dikongsi merupakan pemangkin kepada kecekapan operasi, memastikan taman perindustrian kita kekal berdaya saing dan kondusif untuk pembuatan peringkat tinggi.

Majlis hari ini juga menggariskan usaha berterusan kita ke arah aspirasi negara kita untuk ekonomi yang dinamik, pelbagai dan mampan.

Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan kedua-dua Brunei Fertilizer Industries dan Polygel Intermediates atas sumbangan dan inisiatif mereka dan pada masa yang sama, menggalakkan pemimpin industri lain untuk mencontohi semangat perkongsian dan kerjasama bersama ini, kerana melalui usaha kolektif sedemikian kita dapat membina masa depan yang berdaya tahan untuk Negara Brunei Darussalam.

Sekali lagi, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada kedua-dua pasukan. Saya menantikan kesan nyata dan kemakmuran bersama yang pastinya akan dihasilkan oleh kerjasama ini.



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd dan Polygel Intermediates (B) Sdn Bhd pada Isnin, 20 April 2026 yang berlangsung di Dewan Teater Bangunan Kementerian Kewangan & Ekonomi.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman bin Haji Othman**

## WAKTU SEMBAHYANG

| MEI MASIHI | HARI | ZULKAEDAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | RABU | 25 | 4.35 | 4.45 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 14 | KHAMIS | 26 | 4.35 | 4.45 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 15 | JUMAAT | 27 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 16 | SABTU | 28 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.40 |
| 17 | AHAD | 29 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 18 | ISNIN | 1 ZULHIJAH | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 19 | SELASA | 2 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 24 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

13 MEI 2026

# Hadapi ujian, dugaan dengan keimanan

**KEHIDUPAN** setiap individu setentunya tidak akan pernah lari daripada ujian dan dugaan umpama seperti dalam dewan peperiksaan yang ada pelbagai kertas ujian. Apapun, bagi manusia yang ada iman dalam dirinya, mereka menerima ujian kehidupan sebagai sebahagian dari resam hidup yang perlu dilalui dengan hati tabah.

Dalam menempuh pelbagai ujian hidup, sebagai seorang manusia yang waras dan matang, mohonlah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan doa yang ikhlas agar diberi ketabahan dalam melalui ujian.

Bagaimana sukar atau berat sekalipun sesuatu ujian itu, jika Allah berikan kemudahan, pastinya ujian yang berat itu akan menjadi mudah, namun sebagai manusia yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sentiasalah bermohon untuk diberi ketabahan dalam menempuh ujian hidup. Bagi seseorang Mukmin, tidak salah untuk bermohon hidup yang mudah, namun jauh lebih penting dari itu mohonlah untuk mendapat hati yang tabah.

Hakikatnya, Allah tidak mengurniakan sesuatu ujian itu tanpa tersirat hikmah kebaikan di sebaliknya. Justeru, setiap ujian yang datang dari Allah, kepada-Nya juga ujian itu dikembalikan dengan cara berdoa memohon bantuan dari-Nya. Hidup yang mendapat pertolongan dari Allah akan menjadi mudah untuk diharungi walau apapun bentuk kesulitan dalam kehidupan itu.

Oleh itu, sebagai seorang Mukmin yang beriman kepada-Nya hendaklah sentiasa sabar dan syukur dalam menempuh setiap ujian dari Allah. Sabar dan syukur adalah dua perkara yang sangat perlu dan baik bagi seseorang Mukmin tatkala berdepan dengan dugaan Allah.

Apabila menerima ujian dari Allah, seseorang Mukmin hendaklah kembali bermuhasabah diri kerana ujian itu adalah teguran Allah kepada seseorang hamba. Seperti kata cerdik pandai, teguran itu umpama batu-batu kecil yang dilemparkan agar manusia itu kembali kepada Tuhannya, dan jika manusia tetap tidak mengingati Tuhannya dibimbangi akan dibaling dengan batu-batu yang lebih besar.

Setiap kali ujian diberikan, manusia akan kembali kepada Allah dan ini tentunya akan memberi kelapangan kepada hati-hati manusia yang gelisah dengan dugaan-Nya. Justeru, kita perlu bersyukur dengan nikmat dan bersabar terhadap ujian.

Sesungguhnya ujian tersebut adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman dan kesabaran seseorang itu dan ingatlah, ujian ini adalah satu fitrah dalam kehidupan kerana dengan ujian itulah menjadikan seseorang itu lebih dewasa, tabah, sabar dan mengenali kekuasaan serta kebesaran Allah.

Ujian dan dugaan adalah sebahagian kehidupan yang perlu dilalui. Sebagai seorang manusia yang dikurniakan akal, carilah ilmu untuk membina hati yang diperkukuhkan dengan iman dan takwa kepada Allah, kerana inilah ramuan yang akan menjadikan manusia tetap lapang dan tenang walau apapun cabaran yang mendatangi dirinya. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERKENAN MENGURNIAKAN SURAT WATIKAH PELANTIKAN, MENERIMA SURAT TAULIAH

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Belgium, Tuan Yang Terutama Awang Mohammad Shafiee bin Haji Kassim (kiri sekali dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baharu dilantik dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan ke NBD yang baharu.

Majlis yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini, menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Belgium, Tuan Yang Terutama Awang Mohammad Shafiee bin Haji Kassim; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Awang Haji Khairur Rizal bin Haji Abdul Majid; dan Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Australia, Puan Yang Terutama Dayangku Nooraslena binti Pengiran Dato Paduka Haji Sallehuddin.

**>> Muka 4**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Australia, Puan Yang Terutama Dayangku Nooraslena binti Pengiran Dato Paduka Haji Sallehuddin (kiri).**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Awang Haji Khairur Rizal bin Haji Abdul Majid (atas).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke NBD, Tuan Yang Terutama Abdulla Hamad A.A. Al-Marri; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh A.M. Alshiha (kanan dan kanan sekali).**





**KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon (kiri sekali).**

**KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat (kiri).**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke NBD, Tuan Yang Terutama Nawaf Fahad Alsaied (atas). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baharu dilantik.

**>> Muka 3**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke NBD, Tuan Yang Terutama Abdulla Hamad A.A. Al-Marri; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh A.M. Alshiha; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke NBD, Tuan Yang Terutama Nawaf Fahad Alsaied.

Selepas Majlis Mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan dan Majlis Menyembahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baharu dilantik serta Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Turut hadir pada majlis-majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib; dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku Pemangku Grand Chamberlain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke NBD, Tuan Yang Terutama Abdulla Hamad A.A. Al-Marri.





KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh A.M. Alshiha dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon (kanan sekali dan kanan).





KEBAWAH DYMM berkenan berbual bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke NBD, Tuan Yang Terutama Nawaf Fahad Alsaied dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat (kiri dan kiri sekali).

# BERKENAN MENYEMPURNAKAN PELETAKAN BATU ASAS MASJID JUBLI INTAN






**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan di Tapak Pembinaan Masjid Jubli Intan, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata, Kawasan 3, Mukim Gadong 'B'. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (kanan dan atas).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**>> Muka 1**

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan di Tapak Pembinaan Masjid Jubli Intan, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata, Kawasan 3, Mukim Gadong 'B', pagi tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Penasihat-penasihat Bersama dan Pengerusi - pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Pembinaan Masjid Jubli Intan, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, selaku Timbalan Pengerusi II Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Ini diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Pembinaan Masjid Jubli Intan.

Atur cara majlis diteruskan dengan laungan azan oleh Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh dan bacaan zikir oleh Pegawai-pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung bagi penyempurnaan peletakan batu asas Masjid Jubli Intan dengan diiringi laungan tiga kali takbir dan bacaan zikir oleh para pegawai masjid.

**>> Muka 6**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Lembaran Kenangan dan seterusnya menerima sembah penerangan dari Bahagian Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan (atas sekali dan atas).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengar sembah penerangan (atas). Sementara gambar kiri, penyempurnaan peletakan batu asas Masjid Jubli Intan diiringi dengan laungan tiga kali takbir dan bacaan zikir oleh para pegawai masjid.**




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai di majlis berkenaan (atas). Manakala gambar bawah kiri, Kebawah DYMM berkenan beramah mesra. Sementara gambar bawah kanan, Kebawah DYMM serta kerabat diraja berkenan berangkat bagi Majlis Santap.**

**>> Muka 5**

Baginda kemudiannya berkenan menyaksikan tayangan klip video mengenai projek pembinaan, pameran dan mendengar sembah taklimat mengenai konsep dan reka bentuk Masjid Jubli Intan yang disembahkan oleh Bahagian Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan. Sebelum mengakhiri majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Bangunan masjid baharu tersebut akan dikenali dengan nama Masjid Jubli Intan dan menjadi sebuah mercu tanda ristaan sepanjang zaman dan kegemilangan 60 tahun pemerintahan Kebawah DYMM di atas takhta yang berteraskan keimanan dan ketakwaan kepada generasi masa ini dan masa hadapan.

Masjid Jubli Intan akan diiktiraf sebagai masjid pertama di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai pensijilan Bangunan Hijau di mana pembangunan rohani dan kelestarian alam sekitar dicantumkan.

Masjid tersebut yang berkapasiti seramai 4,246 orang jemaah, dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk bilik kuliah, bilik perpustakaan, bilik pengurusan jenazah, tandas serta kawasan letak kereta bagi keselesaan dan kemudahan orang ramai termasuk Orang Kelainan Upaya bagi para penduduk STKRJ Kampung Mata-Mata, Mukim Gadong 'B' dan juga masyarakat sekitarnya.

Kos pembiayaan pembinaan masjid ini dibiayai melalui Rancangan Kemajuan Negara dan sebahagian lagi melalui kutipan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid sumbangan orang ramai dan sektor swasta. Masjid ini insyaAllah dijangka siap pada 31 Julai 2027.

Konsep reka bentuk yang dipilih merupakan cadangan Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Arkitek Awang Haji Azmi bin Awang Haji Tahir dan dibantu oleh Awang Abdul Azeem bin Abdul Rahman, seorang arkitek tempatan di KHEU.





# MASJID JUBLI INTAN MERCU TANDA KEPIMPINAN BIJAKSANA KEBAWAH DYMM

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**KAMPUNG MATA-MATA**, Isnin, 11 Mei. - Masjid Jubli Intan dihasrat untuk menjadi mercu tanda kepimpinan bijaksana lagi berdaulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Ulul Amri yang menerajui Negara Brunei Darussalam (NBD) di atas landasan Melayu Islam Beraja (MIB) menuju hasrat murni iaitu sebuah negara yang 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur'.

Ini juga amat bermakna kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan sahaja merupakan raja yang paling lama memerintah di dunia pada masa ini bahkan di dalam sejarah dunia Islam dan juga merupakan antara ketua negara yang paling lama berkhidmat.

Demikian dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam sembah alu-aluan pada Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan bertempat di Tapak Pembinaan Masjid Jubli Intan, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Mata-Mata, Kawasan 3, Mukim Gadong 'B', pagi tadi.

"Setentunya ini adalah suatu pencapaian bersejarah dan teramat gemilang, yang menandakan nikmat, kurnia dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada Kebawah Duli Tuan Patik, ahli-ahli kerabat Kebawah Duli Tuan Patik serta seluruh rakyat NBD yang patut disyukuri bersama - sama," sembah Yang Berhormat.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat-kerabat diraja ke majlis ini, sembah Yang Berhormat, yang juga merupakan salah satu majlis rasmi yang pertama diadakan bersempena dengan Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta yang insyaAllah akan di sambut dan diraikan dengan penuh gemilang pada 5 Oktober 2027 tahun depan, adalah suatu kurnia yang amat bermakna dan istimewa.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, bahawa cadangan pembinaan Masjid Jubli Intan ini adalah sebagai simbol rasa syukur dan ketaatan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping menjadi sebuah pesambah istimewa dan tulus ikhlas daripada rakyat kepada raja Ulul Amri yang dikasihi.

"Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik, beberapa sesi perbincangan telah pun diadakan mengenai cadangan reka bentuk serta perkara-perkara berkaitan dengan pelaksanaan projek pembinaan Masjid Jubli Intan.

"InsyaAllah, disembahkan



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II ketika menyampaikan sembah alu-aluan.**

Masjid Jubli Intan ini dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patik jua dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan Julai 2027," sembah Yang Berhormat.

# BERANGKAT MELAWAT SEKOLAH SINAR MATAHARI



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai bersama warga sekolah.**

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman, Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh, Penempatan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**KAMPUNG MATA-MATA**, Isnin, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Sinar Matahari (Sunshine School), di sini.

Berangkat sama, paduka - paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada lawatan tersebut, para pelajar serta warga sekolah tidak melepaskan peluang menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu juga memberikan peluang dan kesempatan untuk mereka bersua muka secara langsung bersama raja yang dikasihi, seterusnya menjunjung ziarah Kehadapan Majlis baginda serta kerabat diraja.

Sebelum berangkat meninggalkan sekolah tersebut, Kebawah DYMM berkenan dijunjung bergambar ramai bersama warga sekolah dan berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.

Sekolah Sinar Matahari pada masa ini mempunyai seramai 657 orang pelajar dari peringkat Tadika hingga Tahun 6 dan seramai 30 orang tenaga pengajar.

Visi sekolah tersebut ialah 'To Become The Well-Recognized International School in Brunei Darussalam' dan misinya ialah 'To Keep The Flames of Knowledge Alive And Burning In Our Community Of Learners, We Commit To Provide Valuable Learning Experience, Quality Education, Hollistic Curriculum, Values Formation, Strong Faith And Culture In A Safe And Happy Learning Environment'.

Antara kemudahan yang ada di sekolah tersebut ialah surau, dewan serbaguna, bilik komputer, makmal sains, perpustakaan, gelanggang badminton dan taman permainan untuk pembelajaran dan perkembangan motor pelajar.





**KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia disambut dengan senyuman dan keceriaan dari para pelajar sekolah berkenaan (atas dan atas sekali).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan berjunjung ziarah serta beramah mesra bersama warga sekolah pada Keberangkatan Tidak Berjadual berkenaan (atas dan kiri).**

PELITA BRUNEI

# PERKONGSIAN STRATEGIK UNTUK KESTABILAN, KEMAKMURAN BERSAMA





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping (kiri dan atas).**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Hernie Suliana Haji Othman**

**BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Selasa, 12 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, petang ini berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

Semasa majlis perjumpaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengetengahkan persahabatan yang erat dan telah sekian lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China, yang telah lama wujud sebelum tertubuhnya hubungan diplomatik, dan dipupuk melalui kaitan sejarah yang terus mengikat kedua-dua negara bersama.

Republik Rakyat China kekal sebagai rakan kongsi teguh NBD, dan dikukuhkan lagi oleh kerjasama erat dalam perdagangan dan pelaburan serta pertukaran lawatan peringkat tinggi yang aktif.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota menegaskan bahawa Strategic Cooperative Partnership ke arah masyarakat Brunei-Republik Rakyat China yang mempunyai masa depan yang dikongsi bersama, yang telah dipersetujui pada tahun 2025, adalah bukti visi dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Xi Jinping dalam membina rasa saling mempercayai dan menghormati yang lebih mendalam.

Lawatan Rasmi ini bermakna kerana kedua-dua negara meraikan ulang tahun ke-35 hubungan diplomatik pada tahun ini, ke arah membina hubungan yang lebih erat dan asas yang kukuh untuk meningkatkan pertukaran dan usaha kerjasama.

Menegakkan sistem pelbagai hala yang terbuka, inklusif dan berasaskan peraturan kekal kunci untuk memastikan kestabilan dan kemakmuran jangka panjang. Sehubungan itu, Duli Yang Teramat Mulia menzahirkan komitmen NBD untuk bekerjasama rapat dengan Republik Rakyat China dalam menangani cabaran - cabaran tersebut secara konstruktif dan berkoordinasi.

Sokongan Republik Rakyat China, termasuk melalui Hubungan Dialog ASEAN-Republik Rakyat China terus memberikan manfaat yang besar di rantau ini. Walaupun sudah lima tahun berlalu sejak Hubungan Dialog tersebut dinaik taraf kepada Perkongsian Strategik Komprehensif semasa Brunei Darussalam menjadi pengerusi ASEAN pada tahun 2021, Perkongsian ini terus memberikan manfaat yang konkrit kepada rantau ini.

Pada mengakhiri sabda, DYTM mengucapkan tahniah kepada Presiden Xi Jinping atas penganjuran Sidang Kemuncak APEC di Republik Rakyat China pada bulan November 2026 dan menyampaikan sokongan padu dan ucapan selamat maju jaya daripada NBD dalam persiapan mereka.

## Terus meningkatkan kerjasama hal ehwal politik, ekonomi, sosiobudaya





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng (kiri dan atas). Manakala gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh TYT Naib Presiden Republik Rakyat China di Diaoyutai State Guesthouse.**

**BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Selasa, 12 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, petang tadi berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng.



Majlis Perjumpaan berkenaan diadakan di Diaoyutai State Guesthouse.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda mengimbas kembali Lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 2024.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, NBD dan Republik Rakyat China berkongsi hubungan yang berkekalan, disokong oleh kerjasama yang sangat baik dalam pelbagai bidang yang terus membawa manfaat ketara dan kemakmuran kepada kedua-dua buah negara.

Tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-35 hubungan diplomatik, dan DYTM menzahirkan rasa puas hati kerana kedua-dua negara terus meningkatkan kerjasama dalam hal ehwal politik, ekonomi dan sosiobudaya.

DYTM juga mengiktiraf usaha gigih Kerajaan Republik Rakyat China dalam transformasi luar biasa Republik Rakyat China selama ini.

Bagaimanapun, memandangkan ketidaktentuan geopolitik semasa, DYTM bersabda menggariskan keperluan untuk kedua-dua buah negara memperkukuh kerjasama bagi menjaga kepentingan bersama dan memastikan pembangunan ekonomi yang berterusan.

Selain menyatakan kesediaan NBD untuk meningkatkan lagi kerjasama yang sedia ada antara kedua-dua buah negara, DYTM juga bersabda bahawa, memandangkan tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-5 Comprehensive Strategic Partnership, NBD amat menghargai komitmen teguh Republik Rakyat China untuk mempromosi keselamatan, kemakmuran dan pembangunan di rantau ini.

Selepas Majlis Perjumpaan berkenaan, DYTM berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh TYT Naib Presiden Republik Rakyat China di Diaoyutai State Guesthouse.

# Komited memperkukuh kerjasama dalam bidang sukan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Hernie Suliana Haji Othman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat membuat lawatan ke General Administration for Sports of China (GASC) National Training Centre.

**BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Selasa, 12 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pagi tadi berkenan berangkat membuat lawatan ke General Administration for Sports of China (GASC) National Training Centre.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Minister of the General Administration of Sport of China, Tuan Yang Terutama Gao Zhidan.

Pada awal lawatan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota telah mengadakan majlis perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Minister of the General Administration of Sport of China, di mana semasa majlis perjumpaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia menzahirkan penghargaan kepada Republik Rakyat China atas sokongan berterusan mereka kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam bidang sukan, termasuk latihan wushu oleh jurulatih daripada Republik Rakyat China, dan juga semasa NBD menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9 pada tahun 2024.

DYTM berpuas hati bahawa atlet-atlet wushu Brunei telah mencapai kecemerlangan dalam beberapa pertandingan antarabangsa seperti Sukan SEA dan Kejohanan Wushu Remaja Dunia, dan mengorak langkah penting dalam industri sukan NBD.

Selain itu, DYTM mengalu-alukan komitmen sama kedua-dua buah negara dalam menubuhkan kem-kem latihan wushu NBD-Republik Rakyat China di bawah pelan-pelan kerjasama dua hala The Belt and Road Initiative (BRI) yang telah ditandatangani pada tahun 2025, bagi memperkembangkan kerjasama di bawah bidang tersebut.

Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Sukan yang juga telah ditandatangani semasa Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China pada tahun 2025, telah memberikan asas yang kukuh dalam bidang yang penting ini.

DYTM, dalam sabda, menyatakan bahawa terdapat potensi yang besar untuk pembangunan kerjasama sukan antara NBD dan Republik Rakyat China, dan menzahirkan hasrat Brunei untuk mengetahui lebih lanjut tentang pendekatan inovatif Republik Rakyat China dalam memupuk bakat atlet.

Selepas Majlis Perjumpaan, DYTM mengadakan lawatan ke Kompleks Kolam Renang Tertutup dan National Team Performance Centre di mana DYTM disembahkan penerangan mengenai latihan-latihan khusus menggunakan kepelbagaian teknologi dalam meningkatkan kemahiran atlet-atlet Republik Rakyat China.

DYTM seterusnya berangkat ke Dewan Sukan dan disembahkan dengan persembahan wushu daripada penuntut-penuntut daripada Beijing Sports University.

GASC ditubuhkan pada tahun 1998 dan merupakan sebuah agensi bertaraf kementerian di bawah State Council, Republik Rakyat China yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pentadbiran sukan, termasuk menyelia All-China Sports Federation dan Jawatankuasa Olimpik China serta memainkan peranan penting dalam membangunkan atlet-atlet olimpik di negara tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima sembah penerangan.

# BERKENAN MELAWAT MUSEUM OF THE COMMUNIST PARTY OF CHINA





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat melawat Museum of the Communist Party of China (atas dan kanan).

**BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Isnin, 11 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman petang tadi berkenan melawat Museum of the Communist Party of China (CPC).

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sejurus keberangkatan tiba di Museum of the CPC, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Director of Museum, Mr. Li Zongyuan.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan membuat lawatan ke beberapa buah galeri yang mempamerkan sejarah, perkembangan dan pencapaian CPC dalam 100 tahun penubuhannya.

Antaranya, DYTM dan Yang Teramat Mulia disembahkan tayangan video pengenalan, diikuti dengan taklimat mengenai sejarah penubuhan CPC serta perkembangan awal revolusi China.

DYTM dan YTM juga menyaksikan tayangan wayang berbentuk *immersive* bertajuk 'The Long March' yang menunjukkan perjalanan bersejarah Red Army of the CPC sebelum melawat galeri penubuhan Republik Rakyat China serta perkembangannya di bawah kepimpinan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan seterusnya menyaksikan tayangan sinema 4D yang menampilkan keindahan landskap China serta pencapaian moden republik tersebut.

# BERANGKAT TIBA DI REPUBLIK RAKYAT CHINA





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat tiba di Beijing Capital International Airport, Republik Rakyat China (atas dan atas kanan).**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Hernie Suliana Haji Othman**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima junjung ziarah.**

**BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Isnin, 11 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berangkat tiba di Beijing Capital International Airport, Republik Rakyat China.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sejurus keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Member of the CPC Committee of the Ministry of Foreign Affairs and Vice Minister of Foreign Affairs, Puan Yang Terutama Hua Chunying dan bakal Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chen Shaochun dan isteri.

Turut menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri ialah Kuasa Usaha Sementara di Kedutaan Besar NBD di Republik Rakyat China, Awangku Muhammad Saifuddin bin Pengiran Dato Paduka Haji Sallehuddin dan isteri.

Semasa Lawatan Rasmi ini, DYTM akan berangkat menghadiri majlis - majlis perjumpaan bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng serta majlis perjumpaan bersama Party Secretary of Shenzhen, Tuan Yang Terutama Jin Lei dan Minister of the General Administration of Sport of China, Mr. Gao Zhidan.

DYTM juga berangkat bagi mengadakan lawatan ke General Administration for Sport of China, Leju Robot Headquarters dan Huawei Headquarters.

Ini adalah kali kedua DYTM berangkat mengadakan Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China. Lawatan Rasmi DYTM yang pertama ialah pada tahun 2002, manakala pada tahun 2007, DYTM telah berkenan berangkat mengadakan Lawatan Kerja dan menghadiri 4th China-ASEAN Expo (CAEXPO).

Lawatan Rasmi ini mencerminkan persahabatan erat yang telah lama terjalin antara NBD dan Republik Rakyat China.

Pada tahun ini, kedua-dua buah negara akan meraikan ulang tahun ke-35 hubungan diplomatik dan lawatan ini memberikan peluang untuk mengeratkan lagi hubungan serta mewujudkan asas yang kukuh bagi meningkatkan pertukaran dan kerjasama.

# DPMM berangkat ke Republik Rakyat China

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat bagi mengadakan Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China. Turut berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pagi tadi berangkat bagi mengadakan Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China yang akan diadakan pada 11 hingga 15 Mei 2026.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Republik Rakyat China ini adalah atas undangan Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat, Doa Selamat telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Turut berangkat dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Setiausaha-setiausaha Tetap dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Pendidikan bersama isteri masing-masing.

# MEMBINCANGKAN PELUANG KERJASAMA BIDANG PERKHIDMATAN UGAMA

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**



**BERAKAS**, Selasa, 12 Mei. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman menerima kunjungan hormat daripada President of the Australian National Imams Council (ANIC), Shadi Alsuleiman, yang sedang mengadakan lawatan rasmi selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula 11 hingga 12 Mei 2026.

Majlis kunjungan hormat berkenaan diadakan pagi tadi di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Hoy; dan Setiausaha Kedua di Suruhanjaya Tinggi Australia di Bandar Seri Begawan, Ms. Jenifer Zhao.

Kunjungan hormat berkenaan menjadi wadah bagi bertukar pandangan dan pengalaman, di samping membincangkan peluang kerjasama dalam bidang perkhidmatan ugama.

Dalam hubungan itu, KHEU turut mengemukakan pelbagai potensi kerjasama antaranya program penghantaran imam dari NBD ke masjid-masjid di Australia pada waktu-waktu yang bersesuaian sebagai usaha memperkukuh hubungan dua hala selain memperluas perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam pengembangan syiar Islam antara kedua-dua negara.

Kunjungan Shadi Alsuleiman ke negara ini adalah atas tajaan Kerajaan Australia. Lawatan berkenaan juga merupakan susulan kepada kunjungan Australian Sociologist of Religion ke NBD, Dr. Susan Carland, pada 2025.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; dan Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menerima kunjungan hormat daripada President of the Australian National Imams Council, Shadi Alsuleiman (gambar atas kiri). Turut hadir pada majlis berkenaan, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD (gambar atas).**

# Bincang laporan persediaan acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-80

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Mei. – Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Bagi Tahun 2026 telah diadakan hari ini bertempat di Bilik Mesyuarat West Wing, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Bagi Tahun 2026.

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapan mukadimahnya antara lain memaklumkan bahawa pelantikan Pengerusi-pengerusi Bersama serta penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan adalah merupakan langkah awal persediaan dan penyelarasan bagi memastikan acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-80 Tahun bagi Tahun 2026 dapat diungkayahkan dengan lebih teratur, lancar dan sempurna, khususnya daripada aspek keselamatan, kesejahteraan, kebersihan, keharmonian dan keselesaan raja yang dicintai serta semua lapisan masyarakat dan penduduk yang terlibat sama dalam musim perayaan nanti.



**MESYUARAT berkenaan telah diadakan di Bilik Mesyuarat West Wing, Jabatan Perdana Menteri dan dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Bagi Tahun 2026.**

"Sesungguhnya, Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan keraian negara yang sangat istimewa dan sentiasa dinanti-nantikan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

"Penglibatan dan sokongan padu rakyat dalam sama-sama memeriahkan sambutan ini mencerminkan rasa kasih, taat setia dan syukur Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disamping memperkukuhkan perpaduan, keharmonian dan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lagi.

Turut hadir pada mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said; dan wakil kepada Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat-penasihat Bersama.

Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku-pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku-pemangku Pegawai Daerah, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 bagi Tahun 2026.

Antara lain, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengongsikan tarikh-tarikh bagi acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 bagi Tahun 2026 yang termasuk Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD); Majlis Doa Kesyukuran, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil; Istiadat Barisan Kehormatan; Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata Kepada Anak-anak Damit Yang Lahir Pada 15 Julai 2026; Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Bagi Daerah-daerah; Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara; dan Upacara Penurunan Bendera Besar NBD.

Mesyuarat turut membincangkan laporan persediaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 bagi Tahun 2026, iaitu perhiasan bandar : pemasangan 'Giant Banner', kain-kain rentang dan pintu-pintu gerbang; poster induk; poster pengibaran bendera; buku Yaa Siin dan buku Takhtim bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara.

# MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN JURURAWAT, BIDAN, MEMPERTINGKATKAN KUALITI PENJAGAAN PESAKIT



**JURURAWAT dan bidan berperanan untuk mengesan dan memperbaiki kelemahan dalam sistem penjagaan kesihatan bagi mengurangkan ralat dan meningkatkan mutu perkhidmatan.**

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Mei. - Setiap tahun, Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) disambut pada 12 Mei dan Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), Hari Jururawat Antarabangsa dan Hari Bidan Antarabangsa digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD).

Perkara demikian dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan Yang Berhormat sempena Sambutan INMD bertemakan 'Jururawat Kami. Masa Depan Kita. Jururawat Diperkasakan Menyelamatkan Nyawa' (Our Nurses. Our Future. Empowered Nurses Save Lives) dan 'Bidan : Menambah Sejuta Lagi Bidan' (Midwives : One Million More Midwives).

Menurut Yang Berhormat, tema Sambutan IND pada tahun ini disediakan oleh International Council of Nurses (ICN) iaitu 'Jururawat Kami. Masa Depan Kita. Jururawat Diperkasakan Menyelamatkan Nyawa' (Our Nurses. Our Future. Empowered Nurses Save Lives) di mana menekankan kepentingan memperkasakan jururawat melalui penyediaan persekitaran kerja yang selamat, pemberian kuasa amalan penuh (*full practice authority*), peluang kepimpinan, sokongan profesional dan pampasan yang adil.

Kesemua aspek ini, ujar Yang Berhormat, menyerlahkan peranan kritikal jururawat dalam menyelamatkan nyawa, mengekalkan kelangsungan sistem kesihatan dan melindungi komuniti serta meningkatkan hasil kesihatan di peringkat global.

Manakala tambah Yang Berhormat, tema Hari Perbidanan pada tahun ini ialah 'Bidan : Menambah Sejuta Lagi Bidan' (Midwives : One Million More Midwives) yang menyeru pelaburan segera dalam pendidikan, pekerjaan, peraturan dan kepimpinan perbidanan untuk menangani kekurangan bidan di peringkat global. Kongsi Yang Berhormat, keperluan ini adalah untuk memenuhi 90 peratus keperluan kesihatan seksual dan reproduktif, menangani kekurangan 1.9 juta bidan pada masa ini.

"Tugas bidan meliputi penyediaan penjagaan penting sebelum, semasa dan selepas kelahiran, termasuk kontrasepsi, penjagaan pengguguran, sokongan penyusuan susu ibu dan perkhidmatan kesihatan yang berterusan.

"Oleh yang demikian, peningkatan tenaga kerja perbidanan adalah sangat penting bagi memastikan tahap kesihatan ibu dan anak damit yang baru lahir dan sekali gus memperkukuh sistem kesihatan di seluruh dunia," jelas Yang Berhormat.

Pada masa ini, ujar Yang Berhormat, seluruh dunia juga menghadapi krisis kekurangan tenaga jururawat akibat peningkatan permintaan penjagaan kesihatan, konflik dan perubahan iklim.

Penggubal dasar dan pihak yang berkenaan perlu mengambil langkah tegas untuk membangunkan tenaga kerja kejururawatan dan bidan yang kukuh dan mampan di samping memperkasakan kebajikan mereka melalui persekitaran kerja yang selamat, adil, menyokong dan memberikan pengiktirafan yang sewajarnya terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi.

Di NBD, kongsi Yang Berhormat, beberapa usaha penting telah dan sedang dilaksanakan yang mana lainnya ialah Pemerkasaan Kelayakan dan Kemahiran Jururawat dan Bidan serta Memperkasakan Kualiti dan Keselamatan.

Jelas Yang Berhormat, Pemerkasaan Kelayakan dan Kemahiran Jururawat dan Bidan ini pelbagai institusi yang menawarkan kursus bidang kejururawatan dan perbidanan telah pun ditubuhkan di NBD termasuk Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Institute of Brunei Technical Education), Politeknik Brunei, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam dan Pusat Perubatan Jerudong Park, Kolej Sains Kesihatan (JPMC College of Health Sciences Sdn. Bhd. - JCHS).

"Kursus-kursus ini bertaraf sijil, diploma dan juga peringkat ijazah. Profesion kejururawatan dan perbidanan dibukakan kepada lepasan graduan untuk terus menerajui dunia kejururawatan dan perbidanan. Usaha-usaha untuk menarik lebih ramai lagi graduan menceburi kerjaya ini termasuk meningkatkan dan mengemas kini Skim Perkhidmatan Kejururawatan dengan menawarkan jawatan dan tangga gaji yang menarik, di samping menawarkan kursus-kursus pasca sijil atau diploma kepada diploma ataupun ijazah pengkhususan di bidang-bidang kejururawatan seperti rawatan intensif, psikiatri, renal, kecemasan, pembedahan, pediatrik, kardiologi dan lain-lain.

"Penempatan jururawat-jururawat yang berkelayakan dan berkemahiran juga telah disusun atur sebaiknya mengikut keperluan perkhidmatan yang terdapat di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan," terang Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, Memperkasakan Kualiti dan Keselamatan pula, jelas Yang Berhormat, sebagai komponen terbesar tenaga kerja kesihatan di Kementerian Kesihatan dengan jumlah sekitar 43 peratus, berbanding doktor sebanyak 13 peratus, jururawat memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti dan keselamatan pesakit.

Jururawat dan bidan juga jelasnya lagi, berperanan untuk mengesan dan memperbaiki kelemahan dalam sistem penjagaan kesihatan bagi mengurangkan ralat dan meningkatkan mutu perkhidmatan.

"Peranan jururawat meliputi pelbagai bidang perkhidmatan kesihatan, termasuk organisasi penyelenggaraan kesihatan, agensi kesihatan awam, klinik kesihatan, penjagaan kesihatan di rumah, pusat pesakit luar, perkhidmatan kesihatan mental, pusat perubatan ketenteraan serta misi perubatan haji," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, dalam memastikan keselamatan pesakit serta keberkesanan penjagaan dan pemulihan, jururawat bertanggungjawab memberikan perkhidmatan yang konsisten, boleh dipercayai dan berteraskan kepimpinan yang berkesan.

Mereka tegas Yang Berhormat juga memainkan peranan penting dalam usaha peningkatan kualiti (Quality Improvement - QI) melalui pelaksanaan amalan berasaskan bukti, penilaian secara sistematik, serta penambahbaikan berterusan terhadap penyampaian penjagaan kesihatan bagi mencapai hasil kesihatan yang lebih baik.

"Bagi memperkukuhkan budaya keselamatan (*safety culture*) dalam perkhidmatan kesihatan, Kementerian Kesihatan terus giat melaksanakan pelbagai program pendidikan dan kesedaran berkaitan kualiti serta keselamatan pesakit dalam kalangan jururawat.

"Program-program ini merangkumi latihan induksi untuk jururawat baharu hingga program ulang kaji (*refresher*) kejururawatan, bagi memastikan budaya keselamatan sentiasa diterapkan, diperkukuh dan diamalkan dalam setiap aspek perkhidmatan penjagaan kesihatan," terang Yang Berhormat.

Tekan Yang Berhormat, masalah kekurangan jururawat dan bidan perlu ditangani melalui perancangan jangka panjang yang berterusan, termasuk memberi perhatian kepada kebajikan dan kesejahteraan mereka. Hal ini, tegas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sangat penting kerana ia memberi kesan langsung kepada mutu perkhidmatan kesihatan dan juga pembangunan ekonomi negara.

"Mengutamakan kesejahteraan jururawat dan bidan dapat mempertingkatkan kualiti penjagaan pesakit, mengekalkan jumlah jururawat dan bidan serta menjadikan sistem kesihatan negara menjadi lebih kukuh serta berdaya tahan.

"Jika kebajikan jururawat dan bidan diabaikan, ia boleh menyebabkan peningkatan ketidakhadiran kerja, tekanan dan kesilapan dalam tugas, yang akhirnya membebankan sistem kesihatan negara," jelas Yang Berhormat lagi.

Kongsi Yang Berhormat, tema Sambutan INMD juga menekankan kepentingan untuk menghargai, menyokong dan melabur dalam kejururawatan dan perbidanan, bukan sahaja sebagai petugas kesihatan tetapi juga sebagai aset penting kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam konteks NBD terangnya, menjaga jururawat bukan sekadar isu sektor kesihatan akan tetapi ia adalah keutamaan negara selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu pembangunan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

"Akhirnya, sempena Sambutan INMD 2026 ini, saya menyeru agar semua jururawat dan bidan di NBD terus tabah menghadapi cabaran, sentiasa mengutamakan keperluan pesakit, dan mengekalkan semangat dedikasi dalam menjalankan tugas.

"Setiap usaha dan pengorbanan anda amat bermakna kepada kesejahteraan masyarakat. Teruskan berkhidmat dengan ikhlas, cekal dan penuh komitmen kerana awda adalah tunjang sistem kesihatan negara. Dengan komitmen dan usaha berterusan, sistem kesihatan NBD akan terus berkembang menjadi lebih mampan, berdaya tahan dan berkualiti tinggi, selaras dengan tema sambutan tahun ini," jelas Yang Berhormat.



# MEMPERINGATI, MENGHARGAI JASA SERTA SUMBANGAN PARA JURURAWAT, BIDAN

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Mei. - Kementerian Kesihatan mengadakan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, membaca Tahlil dan Doa khusus sempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat, diikuti dengan tahlil.

Majlis diakhiri dengan Doa Khas sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2026 oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Objektif sambutan berkenaan diadakan adalah untuk memperingati dan menghargai jasa serta sumbangan para jururawat dan bidan di Negara Brunei Darussalam, di samping memperkukuh perpaduan, kerjasama dan profesionalisme dalam bidang kejururawatan dan perbidanan merangkumi sektor kerajaan, swasta, institusi pendidikan kejururawatan serta persatuan-persatuan kejururawatan.

Antara lain juga berperanan sebagai platform untuk memperkasa kepimpinan serta meningkatkan keselamatan dan kualiti perkhidmatan kejururawatan dan perbidanan agar terus berdaya tahan, inovatif dan proaktif dalam mendukung penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, selaras dengan nilai-nilai agama, etika profesional dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat di acara Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, membaca Tahlil dan Doa khusus sempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Kementerian Kesihatan.**

# Indeks utama BSI dicatatkan 42.4 pada Februari 2026

**Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank**

| Nilai BSI | Ulasan |
|---|---|
| Atas 50 | Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya. |
| 50 | Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya. |
| Bawah 50 | Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya. |

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Mei. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan ataupun Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Februari 2026.

Indeks berkenaan adalah berdasarkan kaji selidik bulanan yang melibatkan kira-kira 500 perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada 11 sektor ekonomi di seluruh negara.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD yang merangkumi pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks berkenaan boleh digunakan sebagai salah satu penunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

Sejak pelancarannya pada Ogos 2020, BDCB telah menyemak metodologi BSI bagi meningkatkan keteguhan, konsistensi dan nilai analisis indeks. Walaupun skala BSI adalah 0 hingga 100 di bawah metodologi sebelumnya, formula pengiraan yang digunakan hanya menghasilkan nilai indeks antara 49.0 dan 51.0.

Dengan pengemaskinian berkenaan, metodologi BSI membolehkan penggunaan skala 0.0 hingga 100.0 sepenuhnya, dengan tahap neutral kekal pada 50.0. Perubahan berkenaan seterusnya meningkatkan sensitiviti indeks, sekali gus membolehkan tafsiran yang lebih jelas dan tepat terhadap pergerakan indeks.

Pengemaskinian berkenaan tidak menjejaskan tafsiran ekonomi bagi hasil terdahulu, memandangkan sentimen asas yang diukur oleh indeks tersebut kekal tidak berubah. Bagi memastikan konsistensi dan kebolehbandingan, data BSI terdahulu akan dikira semula menggunakan metodologi baharu dan seterusnya diterbitkan dalam Buletin Statistik yang terdapat di laman sesawang BDCB.

Indeks utama BSI, iaitu sub-indeks keadaan perniagaan, adalah 42.4 pada Februari 2026 berbanding 55.2 pada Januari 2026. Ini menunjukkan perniagaan menjangka keadaan perniagaan yang lebih pesimistik. Sentimen berkenaan sebahagian besarnya disebabkan oleh jumlah hari operasi yang lebih sedikit, memandangkan Februari merupakan bulan yang lebih pendek dengan beberapa cuti awam.

Waktu operasi yang lebih pendek sepanjang bulan Ramadan turut menyumbang kepada sentimen berkenaan. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan mengongsikan pandangan optimistik, mengambil kira aktiviti menjelang musim perayaan. Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada tahap 53.1, menunjukkan perniagaan menjangka keadaan akan bertambah baik pada bulan Mac 2026.

Secara lazimnya, semasa musim perayaan, sentimen yang lebih optimistik dikaitkan dengan peningkatan perbelanjaan pengguna, trafik pelanggan dan permintaan yang lebih kukuh daripada sektor-sektor berbeza. Sentimen positif turut disokong oleh cuaca yang lebih baik, bilangan hari bekerja yang lebih banyak, promosi yang berterusan serta pelaksanaan projek baharu dan projek sedia ada.

Sub-indeks pelaburan menunjukkan perkembangan yang positif, dengan indeks bagi bulan semasa pada tahap 65.5 dan satu bulan ke hadapan pada tahap 66.3, manakala indeks bagi tiga bulan ke hadapan berada pada tahap 83.4. Perniagaan menjangkakan peningkatan dalam pelaburan sebagai persediaan menghadapi musim perayaan dan permintaan yang lebih tinggi, termasuk penambahan stok barangan yang mempunyai permintaan tinggi, penaiktarafan peralatan serta pengembangan operasi.

Dalam tempoh tiga bulan akan datang, pelaburan dijangka terus meningkat, didorong oleh projek-projek baharu dan yang akan datang yang memerlukan tambahan jentera, peralatan, dan kenderaan serta penambahbaikan fasiliti.

Sub-indeks pengambilan pekerja berada pada tahap 46.2 bagi bulan semasa dan 53.8 bagi satu bulan ke hadapan. Keadaan pengambilan pekerja bagi Februari 2026 kurang positif berikutan pengurangan tenaga kerja oleh sesetengah perniagaan akibat penamatan kontrak, peletakan jawatan, atau kesukaran mengambil pekerja baharu. Kebanyakan perniagaan mengekalkan jumlah pekerja dan hanya menggantikan pekerja bila diperlukan. Namun, prospek bagi bulan berikutnya adalah lebih optimistik, dengan banyak perniagaan merancang untuk menambah jumlah tenaga kerja bagi menyokong peningkatan aktiviti.

Sub-indeks kos perniagaan berada pada tahap 66.9 bagi bulan semasa dan 47.8 bagi satu bulan ke hadapan. Kos perniagaan meningkat pada Februari 2026 disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bahan mentah, stok, serta peningkatan kos berkaitan pekerja seperti pembayaran bonus dan kerja lebih masa.

Walau bagaimanapun, kos dijangka menurun pada Mac 2026 berikutan pengurangan aktiviti semasa bulan Ramadan dan musim perayaan yang seterusnya akan mengurangkan perbelanjaan bagi bahan, penghantaran, dan kerja lebih masa. Penjimatan kos juga dikaitkan dengan ketiadaan pembayaran bonus (yang lazimnya dibayar pada Januari), penyiapan projek utama, dan ketiadaan acara utama seperti ekspo dan pameran pengguna.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di *www.bdcb.gov.bn*.

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB *@centralbank.brunei*.

| | Sektor | Indeks | Disebabkan oleh |
|---|---|---|---|
| Sentimen Optimistik | Pembuatan | 62.5 | Permintaan musim perayaan daripada Tahun Baru Cina, Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri, serta peningkatan permintaan barangan asas seperti air botol semasa gangguan pembekalan air pada bulan Februari 2026. |
| | Perkhidmatan Lain | 52.0 | Pendapatan projek dan kontrak baharu, serta pemulihan selepas musim cuti. |
| [illegible] | Kewangan & Insurans | 50.3 | Sentimen secara keseluruhannya adalah berbeza-beza, dengan sentimen optimistik didorong oleh peningkatan sumbangan insurans dan takaful, namun diimbangi oleh sentimen pesimistik yang berpunca daripada jangkaan pelanggan lebih cenderung untuk berbelanja untuk barangan dan perkhidmatan lain sepanjang musim Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri. |
| | Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan | 49.7 | Februari merupakan bulan yang pendek. |
| Sentimen Pesimistik | Pembinaan | 46.2 | Kelewatan projek, isu pembayaran, serta kekurangan projek baharu. |
| | Harta Tanah & Pemilikan Kediaman | 45.9 | Pengurangan penyewa. |

| | Saiz | Indeks | Disebabkan oleh |
|---|---|---|---|
| Sentimen Optimisitik | Mikro | 55.4 | Permintaan musim perayaan yang meningkatkan trafik pelanggan, dengan sokongan tambahan daripada projek baharu. |
| Sentimen Pesimistik | Sederhana | 48.6 | Impak daripada beberapa cuti awam ke atas aktiviti pengguna dan jumlah hari bekerja, manakala gangguan bekalan memberi tekanan tambahan. |
| | Kecil | 47.6 | Pengurangan hari bekerja dan kekurangan projek baharu, serta pembayaran yang tertangguh. |

# TRANSFORMASI DIGITAL MEMPERKASA PROFESION PERAKAUNAN

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa 12 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada majlis pembukaan sempena Forum dan Pameran Perakaunan yang berlangsung pagi tadi di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam ucaptamanya menegaskan bahawa profesion perakaunan pada masa kini bukan lagi sekadar berkaitan penyediaan laporan kewangan, audit dan pematuhan, malah memainkan peranan penting dalam memastikan integriti institusi, mengesan risiko, memperkukuh tadbir urus serta menyokong proses membuat keputusan dalam ekonomi moden.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut menyuarakan kebimbangan terhadap kekurangan akauntan profesional tempatan di negara ini memandangkan ketika ini hanya terdapat 21 akauntan awam berdaftar yang diberi kuasa menandatangani laporan audit, sedangkan hampir 11,000 syarikat berdaftar memerlukan audit penyata kewangan.

Menurutnya, ketidakseimbangan tersebut memberi tekanan besar kepada landskap profesion perakaunan di Negara Brunei Darussalam.

Tambah Yang Berhormat, kekurangan tenaga profesional dalam bidang tersebut boleh menyebabkan kelewatan dalam penyediaan dan pengesahan penyata kewangan, sekali gus meningkatkan risiko ketidakpatuhan seperti kelewatan pemfailan cukai serta menjejaskan perancangan strategik sesebuah perniagaan.

Keadaan itu, jelas Yang Berhormat, juga boleh memberi kesan kepada keyakinan pelabur asing, pemberi pinjaman dan akses kepada modal sekiranya pelaporan kewangan tidak dilaksanakan secara tepat pada masanya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) berpotensi membantu mentransformasikan profesion perakaunan melalui analisis data yang lebih mendalam dan penghasilan maklumat perniagaan yang lebih strategik.

**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika berucap.**



Teknologi berkenaan juga mampu mengurangkan beban tugas rutin, sekali gus membolehkan akauntan memberi lebih tumpuan kepada aspek strategik seperti ramalan kewangan dan pembangunan perniagaan, ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat menyeru kerjasama berterusan antara kerajaan, institusi pendidikan dan pemain industri bagi melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang relevan untuk memenuhi permintaan industri serta menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 ke arah melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran.

# Manfaatkan teknologi AI dalam bidang perakaunan



**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan berkenaan (atas dan bawah kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Mei. - Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) mengadakan majlis pembukaan sempena Forum dan Pameran Perakaunan yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini hingga 13 Mei 2026.

Acara yang diadakan di Bangunan MOFE berkenaan membawa tema 'Redefining the Profession: Shaping the Future of Accounting in Brunei Darussalam'.

Forum dan pameran berkenaan bertujuan untuk mempromosi profesion perakaunan serta menyediakan platform bagi pakar dan ahli-ahli yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk berkongsi pengetahuan, bertukar pandangan dan pengalaman mengenai isu-isu serta perkembangan terkini berkaitan bidang perakaunan.

Selain itu, acara tersebut turut memudahkan jaringan kerjasama dalam kalangan pihak-pihak berkepentingan.




**SEBAHAGIAN daripada para tetamu yang turut memeriahkan majlis pembukaan tersebut (kanan).**

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Pada majlis tersebut dalam ucapan yang alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II), MOFE, Dayang Hajah Latifah binti Haji Mahmud juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Forum dan Pameran Perakaunan antara lain menjelaskan bahawa profesion perakaunan secara tradisinya ditakrifkan sebagai pengurusan atau penyediaan rekod kewangan serta analisis, pengesahan dan pelaporan rekod berkenaan.

Namun, dalam dunia yang pesat berubah masa kini, profesion perakaunan dituntut untuk melangkaui peranan tersebut, khususnya ketika ekonomi global kini memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bagi melaksanakan pelbagai tugasan.

Katanya, AI berupaya mentransformasikan data serta menyediakan analisis yang lebih mendalam dalam memastikan integriti kewangan, di samping menterjemahkan data kompleks kepada maklumat perniagaan yang boleh digunakan untuk tindakan strategik.

"Teknologi berkenaan juga membantu mengurangkan beban kerja rutin profesional perakaunan, sekali gus membolehkan mereka memberi tumpuan kepada tugas strategik seperti ramalan kewangan dan penyumbang kepada strategi keseluruhan perniagaan.

"Dalam hubungan ini, penggunaan AI turut memperluaskan skop tugas yang mampu dilaksanakan oleh akauntan pada masa ini," ujarnya.

Bagi mempersiapkan generasi akan datang menghadapi transformasi digital tegasnya, pihak kerajaan dan pemain industri perlu bekerjasama dalam melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang relevan bagi memenuhi keperluan industri serta menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran.

Menurutnya, usaha tersebut memerlukan komitmen berterusan serta penglibatan semua pihak berkepentingan, dan forum serta pameran yang diadakan hari ini mencerminkan kerjasama kukuh dalam memperkasa pembangunan profesion perakaunan di Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya lagi, kerjasama sedemikian juga diharap dapat diteruskan dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan perakaunan di negara ini sejajar dengan aspirasi Brunei sebagai sebuah ekonomi yang dinamik dan mampan.

Acara berkenaan turut menampilkan beberapa penceramah dari dalam dan luar negara yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang perakaunan bagi membincangkan topik-topik sejajar dengan tema forum.

Turut diadakan ialah beberapa pameran informasi daripada agensi kerajaan dan sektor swasta seperti BICPA, firma-firma perakaunan serta pihak-pihak lain yang menyediakan perkhidmatan sokongan bagi perniagaan-perniagaan di negara ini.

Kira-kira lebih 500 orang menghadiri hari pertama acara tersebut yang terdiri daripada pemilik perniagaan, pengarah syarikat, profesional perakaunan, pelajar, ahli akademik, graduan, pencari kerja dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.



# Kedudukan Haji Orang yang Meninggal Dunia ketika Mengerjakannya

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

***(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**IBADAH** haji adalah salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan sekali seumur hidup oleh setiap orang yang memenuhi syarat-syarat wajib haji iaitu Islam, mukalaf, merdeka dan berkemampuan.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

**Tafsirnya** : *Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadah haji ke Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya.*

(Surah Ali 'Imran : 97)

Bagi orang yang belum melaksanakan haji, ibadah haji adalah fardhu 'ain ke atas dirinya apabila memenuhi syarat-syarat haji. Tuntutan fardhu 'ain pada melaksanakan haji itu tidak semestinya dilaksanakan dengan segera walaupun telah memenuhi syarat-syaratnya melainkan ada perkara yang menyebabkan ibadah haji itu mesti disegerakan pelaksanaannya seperti kerana nazar, qadha', takut akan terjadi lumpuh atau kehilangan harta. Ini bermaksud ibadah haji boleh ditangguh pelaksanaannya dengan syarat hendaklah disertai azam untuk melaksanakannya kemudian. Jika ada perkara yang menyebabkan ibadah haji itu wajib disegerakan, maka haram ke atas orang itu menangguhkan pelaksanaan hajinya.

Walaupun pelaksanaan ibadah haji boleh ditangguh, orang yang diwajibkan haji, sunat untuk tidak menangguhkannya ketika dia berkemampuan untuk melaksanakannya agar kewajipan haji tidak lagi tertanggung ke atas dirinya kerana melaksanakan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang memerintahkan supaya bersegera dalam melakukan kebaikan dan ketaatan sebagaimana keumuman firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

**Tafsirnya** : *Maka berlumba-lumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan.*

(Surah al-Baqarah : 148)

Jika seseorang menangguhkan pelaksanaan ibadah haji setelah dia memenuhi syarat-syarat haji dan dia sempat melaksanakannya sebelum meninggal dunia, maka dia tidak berdosa kerana menangguhkannya. Sebaliknya, jika dia meninggal dunia dan tidak sempat melaksanakan ibadah haji semasa hidupnya, maka dia berdosa kerana menangguhkannya dan tidak mengerjakannya ketika hidupnya. Kewajipan haji itu masih tertanggung ke atasnya. Oleh itu, wajib dikerjakan haji bagi pihak orang tersebut dengan segera dan perbelanjaan haji itu diambil daripada harta peninggalannya.

Kewajipan haji yang tertanggung ke atas orang yang meninggal dunia itu adalah sama halnya dengan kewajipan membayar hutang yang tertanggung ke atas si mati kerana kewajipan membayar hutang tidak akan luput walaupun orang itu sudah meninggal dunia. Namun, jika dia tidak meninggalkan harta, maka tidak wajib dikerjakan haji bagi pihaknya, akan tetapi sunat jika dikerjakan haji bagi pihaknya walaupun tanpa izin ahli warisnya.

Jika dalam keadaan seseorang itu telah memenuhi syarat-syarat mengerjakan haji, akan tetapi dia meninggal dunia atau gila atau hilang hartanya ataupun lemah kerana sakit sebelum tiba musim haji, maka tidak wajib dikerjakan haji bagi pihaknya daripada harta peninggalannya dan gugur kewajipan haji itu daripada tanggungannya. Hukum tersebut sama dengan kedudukan orang yang meninggal dunia yang tidak tertanggung ke atasnya haji kerana dia tidak berkemampuan semasa hidupnya. Maka tidak wajib dikerjakan haji bagi pihaknya daripada harta peninggalannya.

Berdasarkan penjelasan di atas, wajib dikerjakan haji bagi pihak orang yang meninggal dunia yang mampu melaksanakannya semasa hidupnya. Sebaliknya tidak wajib dikerjakan haji bagi pihak orang yang meninggal dunia yang tidak mampu melaksanakannya semasa hidupnya. Begitu juga tidak wajib dikerjakan haji bagi pihak orang yang mampu mengerjakan haji tetapi dia tidak sempat melaksanakan ibadah haji kerana meninggal dunia atau gila atau hilang hartanya ataupun lemah kerana sakit sebelum tiba musim haji. Lalu bagaimana pula kedudukan haji orang yang meninggal dunia ketika sedang melaksanakan ibadah haji?

Apabila seseorang yang melaksanakan ibadah haji meninggal dunia selepas melakukan kedua-dua *tahallul* iaitu *tahallul awwal* (tahalul pertama) dan *tahallul tsani* (tahalul kedua), maka haji yang dikerjakannya itu sah. Ibadah haji tersebut tidak boleh diteruskan untuk dikerjakan oleh orang lain kerana manasik haji yang belum sempat dilakukannya dibayar dengan dam.

Sebagai contoh, seseorang itu telah selesai *tahallul awwal* dengan melontar Jamrah al-'Aqabah dan bercukur atau bergunting rambut, kemudian dia juga telah selesai *tahallul tsani* dengan melontar Jamrah al-'Aqabah, bercukur atau bergunting rambut dan mengerjakan Tawaf *Ifadhah* diikuti dengan *sa'ie*. Setelah itu dia meninggal dunia sebelum sempat melakukan lontaran ketiga-tiga jamrah pada hari-hari Tasyriq, maka dalam keadaan ini kedudukan hajinya adalah sah. Walau bagaimanapun, tidak harus bagi orang lain melakukan lontaran ketiga-tiga jamrah bagi pihaknya tetapi ibadah lontaran ketiga-tiga jamrah itu diganti dengan membayar dam.

Adapun jika seseorang meninggal dunia di antara kedua-dua *tahallul* atau sebelum *tahallul tsani*, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin wa 'Umdah al-Muftin menyebut :

**Ertinya** : *Apabila orang yang melaksanakan haji bagi dirinya sendiri meninggal dunia ketika (sedang melaksanakan ibadah hajinya sebelum tahallul tsani), maka adakah harus dikerjakan (diteruskan) hajinya itu (oleh orang lain)? Terdapat dua pendapat. Pendapat al-azhhar (yang merupakan) qaul jadid (Imam asy-Syafi'i Rahimahullah) : Tidak harus (dikerjakan ibadah hajinya oleh orang lain) sebagaimana juga ibadah sembahyang dan puasa.*

Dalam kitab al-Majmu' fi Syarh al-Muhadzdzab, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan dengan lebih lanjut sebagaimana beliau menyebut :

**Ertinya** : *Menurut qaul jadid, ibadah haji yang telah dikerjakan itu batal kecuali pada pahala, dan wajib dikerjakan haji bagi pihaknya daripada harta peninggalannya jika kewajipan haji itu telah tetap dalam tanggungannya. Jika (haji itu merupakan haji) sunat atau dia tidak mampu melainkan hanya pada tahun itu, maka tidak wajib (dikerjakan haji bagi pihaknya).*

Berdasarkan penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa kedudukan haji seseorang yang meninggal dunia ketika sedang melaksanakan haji itu adalah batal. Ibadah haji tersebut tidak boleh diteruskan untuk dikerjakan oleh orang lain. Walau bagaimanapun, jika kewajipan haji telah tetap dalam tanggungan orang yang meninggal itu, maka wajib dikerjakan haji bagi pihaknya dengan menggunakan harta peninggalannya. Sebagai contoh, Ahmad melaksanakan ibadah haji pada tahun hijrah 1446 sedangkan dia telah berkemampuan untuk melaksanakannya pada tahun sebelumnya iaitu tahun hijrah 1445. Ini bererti dia menangguhkan pelaksanaan hajinya untuk dilaksanakan pada tahun hijrah 1446. Ketika Ahmad melaksanakan haji pada tahun hijrah 1446 itu, dia telah meninggal dunia semasa melaksanakan wuquf di 'Arafah. Dalam keadaan ini, ibadah haji yang dikerjakannya itu batal dan tidak boleh diteruskan untuk dikerjakan oleh orang lain. Maka wajib dikerjakan haji bagi pihaknya (badal haji) dengan perbelanjaan menggunakan harta peninggalannya kerana kewajipan haji itu masih tertanggung ke atasnya.

Adapun jika ibadah haji itu adalah ibadah haji sunat atau orang yang melaksanakan haji itu berkemampuan hanya pada tahun itu sahaja, maka tidak wajib dikerjakan haji bagi pihaknya. Sebagai contoh, Ahmad mula berkemampuan untuk melaksanakan haji pada bulan Muharram tahun hijrah 1447. Kemudian beliau berpeluang untuk melaksanakan ibadah haji pada musim haji tahun tersebut. Namun, ketika melaksanakan haji, Ahmad telah meninggal dunia ketika melaksanakan wuquf di 'Arafah. Dalam keadaan ini, ibadah haji yang dikerjakannya itu batal dan tidak boleh diteruskan untuk dikerjakan oleh orang lain, tetapi tidak wajib dikerjakan haji bagi pihaknya (badal haji) dengan perbelanjaan menggunakan harta peninggalannya kerana kewajipan ibadah haji itu tidak tertanggung ke atasnya.

Dari segi ganjaran pahala pula, orang yang meninggal dunia ketika melaksanakan ibadah haji tetap mendapat ganjaran pahala haji. Ganjaran pahala bagi orang yang meninggal dunia ketika melaksanakan haji itu tidak batal sebagaimana batal ibadah haji yang dikerjakan oleh orang tersebut. Dalam hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Sesiapa keluar untuk melaksanakan haji atau umrah atau berperang fi sabilillah, kemudian dia meninggal dalam perjalanannya, maka Allah Subhanahu wa Ta'ala mencatat baginya ganjaran pahala orang yang berperang fi sabilillah, orang yang melaksanakan haji dan umrah hingga hari Kiamat.*

(Hadits riwayat al-Baihaqi)

Demikian penjelasan mengenai kedudukan haji orang yang meninggal dunia semasa melaksanakan ibadah haji.

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Kemungkaran dalam kehidupan

**MEMPERINDAHKAN** perkara mungkar adalah hal yang sering dilakukan oleh musuh utama umat Islam yang mengajak ke arah kebinasaan dan kerugian secara sedar atau tidak. Musuh utama umat Islam bukanlah sesama manusia melainkan syaitan yang terus berusaha menyesatkan manusia dari jalan lurus Allah Subhanahu Wata'ala. Mengenali cara syaitan memesongkan umat Islam kita dapat menghadapinya dengan kesedaran dan keteguhan iman.

Di dalam Al-Quran juga jelas menceritakan melalui beberapa petikan dari ayat-ayat Al-Quran mengenainya, iaitu janji syaitan untuk menjerumuskan umat Islam ke arah kemungkaran, kezaliman dan kemusnahan.

*"Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagi kamu maka perlakukanlah ia sebagai musuh. Ia hanyalah mengajak pengikut-pengikutnya supaya menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala".*

(Surah Faathir : 6)

*"Syaitan menjanjikan (janji-janji indah) dan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, padahal syaitan itu tidak menjanjikan kepada mereka selain daripada tipu daya semata-mata".*

(Surah An Nisaa' : 120)

*"Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)?"*

(Surah Al Maa-idah : 91)

*"Aku mendapati dia dan kaumnya menyembah matahari bukan (sujud) kepada Allah dan syaitan memperhiaskan (dan menjadikan indah) pada (pandangan) mereka perbuatan-perbuatan (buruk) mereka itu lalu menghalangi mereka daripada jalan (yang benar, oleh itu mereka tidak mendapat petunjuk".*

(Surah An Naml : 24)

*"Dan (demikian juga Kami telah membinasakan ) kaum 'Ad dan Tsamud, dan nyata bagi kamu (kebinasaan itu) daripada sebahagian kesan tempat tinggal mereka. Dan syaitan memperhiaskan (dan menjadikan indah) pada (pandangan) mereka perbuatan (buruk) mereka itu lalu menghalangi mereka daripada jalan (yang benar) padahal mereka ialah orang yang bijak".*

(Surah Al 'Ankabuut : 38)

*"Syaitan itu menjanjikan (menakut-nakutkan) kau dengan kepapaan (jika kamu bersedekah), dan ia menyuruh kamu supaya melakukan perbuatan yang keji (bersifat bakhil) sedang Allah menjanjikan kamu keampunan daripada-Nya dan kelebihan kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui".*

(Surah Al Baqarah : 268)

*"Iblis berkata : "Ya Tuhanku! Oleh sebab Engkau telah menghukum aku menjadi sesat, demi sesungguhnya aku akan memperhiaskan bagi mereka (dan menjadikan indah segala maksiat) di dunia ini dan aku akan menyesatkan mereka kesemuanya".*

(Surah Al Hijr : 39)

*"Iblis berkata : "Oleh kerana Engkau telah menghukum aku menjadi sesat, demi sesungguhnya aku akan menghalangi mereka (manusia dengan menyesatkan mereka) daripada jalan-Mu yang lurus".*

*"Kemudian aku akan mendatangi mereka dari hadapan mereka serta dari belakang mereka, dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka, dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakan mereka bersyukur".*

(Surah Al A'raaf : 16 - 17)

Jelaslah ayat-ayat Al-Quran memberikan kenyataan akan gambaran syaitan yang berterusan berusaha untuk menghasut manusia melakukan kejahatan dan menghalang manusia daripada melakukan kebaikan daripada segenap penjuru yang ada pada manusia. Umat Islam hendaklah dan harus berwaspada untuk berhadapan dengannya melalui pengukuhan hati dan jiwa dengan jalan yang lurus dan mentaati segala suruhan Allah Subhanahu Wata'ala.

# دعاء مموهن كفد الله سڤاي ترسلامة درفد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَاءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَاۚ وَهُوَ العَلِيُّ العَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا۠ عَبْدُكَ،
وَأَنَا۠ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر
## كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

PELITA BRUNEI

# HUBUNGAN KUKUH ABDB, RTAF TERUS BERKEMBANG MAJU



PEMERINTAH ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Resepsi bersempena Sambutan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand 2026.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Mei. - Pejabat Atase Pertahanan Thailand malam tadi telah menghoskan Majlis Resepsi bersempena Sambutan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand (RTAF) 2026 berlangsung di Cesar Grand Hall, Mulia Hotel, di sini.

Hadir menyerikan majlis berkenaan ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini.

Juga hadir, bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon serta Ketua-ketua Perwakilan Diplomatik, pegawai-pegawai tinggi tentera dan Atase Pertahanan di NBD.

Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon berucap bahawa RTAF telah menggalas satu lagi misi iaitu dengan melalui Markas Pembangunan Angkatan Tentera, mereka berdedikasi terhadap pembangunan sosioekonomi dan keamanan global menerusi operasi pengamanan PBB. Sebuah angkatan tentera moden tidak diukur melalui kekuatannya semata-mata, sebaliknya melalui kapasitinya untuk membina daya tahan dan kemakmuran buat rakyat.

Walaupun nilai-nilai itu membimbing misi di dalam negara, jelas Tuan Yang Terutama, impaknya diperkukuhkan lagi menerusi persahabatan mendalam yang dikongsikan bersama NBD.

Menurut TYT lagi, sepanjang 42 tahun yang lalu, Thailand dan NBD telah menikmati hubungan yang teguh dan akrab di semua peringkat serta di bawah kerangka ASEAN. Dalam hal itu, jelas TYT lagi, RTAF telah memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan ini melalui lawatan tetap, pertukaran dan kerjasama.

Sebagai contoh terbaharu, pada Jun 2025, Pemerintah ABDB telah melawat Thailand untuk menerima pingat kebesaran berprestij Royal Decoration of the Knight Grand Cross (First Class) of the Most Noble Order of the Crown of Thailand, yang dianugerahkan sebagai pengiktirafan atas sumbangan cemerlang beliau dalam memperkukuhkan hubungan antara ABDB dan RTAF.

Tambah TYT, satu lagi aktiviti juga telah berlangsung pada bulan yang sama, iaitu apabila peserta daripada Kursus Maktab Turus ABDB mengadakan lawatan sambil belajar ke Thailand.

Kemudian, Ketua Turus Pertahanan RTAF, Jeneral Songwit Noonpakdee telah berada di negara ini bagi menerima kurniaan bintang kebesaran 'Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.)', yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, TYT selanjutnya menyatakan bahawa satu peluang usaha bagi kedua-dua angkatan tentera untuk memperdalamkan hubungan ini menerusi lawatan Jeneral Ukrit Boontanonda, Ketua Turus Pertahanan RTAF yang baharu ke negara ini pada bulan hadapan.

TYT seterusnya menjelaskan mengenai kerjasama dua hala berkaitan pendidikan ketenteraan iaitu Pegawai Kadet Thailand telah menghadiri Sekolah Pegawai Kadet ABDB selama dua tahun yang lalu. Ini merupakan peluang bagi pegawai muda kita untuk belajar dan berkembang bersama sejak dari awal kerjaya ketenteraan mereka dan akan membantu membina asas yang lebih kukuh bagi kerjasama yang lebih erat pada tahun-tahun mendatang.

"Saya yakin bahawa hubungan antara angkatan tentera Thailand dan NBD akan terus berkembang pesat dan membantu menyumbang kepada pengekalan keamanan serta kestabilan di rantau ASEAN kita dan juga di luar rantau ini," ujarnya lagi.

Sementara Atase Pertahanan, Kapten Woravit Pranet dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, RTAF mengiktiraf kepentingan memperkukuh kerjasama pertahanan dan keselamatan dengan negara-negara sahabat serta organisasi antarabangsa.

Menurutnya, Thailand dan NBD telah menikmati hubungan pertahanan yang rapat dan mesra selama bertahun-tahun, melalui lawatan peringkat tinggi, pendidikan dan latihan ketenteraan serta pertukaran pengalaman dan kerjasama.

"Saya yakin bahawa hubungan kukuh antara ABDB dan RTAF akan terus berkembang maju pada tahun-tahun mendatang," jelasnya.

Terdahulu, katanya, Hari RTAF disambut setiap tahun pada 18 Januari. Ia memperingati keberanian, kepimpinan, dan pengorbanan Raja Naresuan yang Agung, yang telah berjuang demi kebebasan, kemerdekaan dan perpaduan Kerajaan Thai lebih daripada 400 tahun yang lalu.

Kemenangan tersebut, ujarnya, kekal sebagai salah satu detik paling penting dalam sejarah Thailand dan terus memberi inspirasi kepada generasi rakyat Thailand, terutamanya anggota RTAF, untuk berkhidmat kepada negara dengan penuh kesetiaan, keberanian dan dedikasi.

Hari yang penting ini juga, tambahnya lagi, merupakan peluang bagi kami untuk menghormati pengorbanan dan bakti kakitangan tentera Thailand, dahulu dan sekarang, yang telah mendedikasikan hidup mereka untuk melindungi kedaulatan negara, integriti wilayah, keamanan, dan kestabilan. Komitmen mereka mencerminkan nilai-nilai teras RTAF : kesetiaan kepada negara, agama dan monarki serta keazaman untuk berkhidmat kepada rakyat.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan bagi kedua-dua buah negara dan para jemputan juga berkesempatan menyaksikan tayangan video klip mengenai Hari RTAF dan disusuli dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat dan isteri dan seterusnya berkesempatan untuk bergambar ramai.

# Simposium terokai keunikan identiti puak Dusun, Bisaya



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir di Simposium Puak Sang Jati Dusun 2026 Negara Brunei Darussalam yang telah mengambil tempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**TUTONG**, Selasa, 12 Mei. - Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi teras negara, menekankan bahawa kekuatan bangsa terletak pada perpaduan, keutuhan adat, dan keluhuran budaya.

Maka usaha ini adalah sebahagian daripada strategi nasional untuk memperkukuh identiti dan keharmonian masyarakat.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri dalam ucapan perasmiannya pada Simposium Puak Sang Jati Dusun 2026 Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Terdahulu itu, Awang Haji Mohammad Sofian dalam ucapannya menyentuh mengenai tema simposium iaitu 'Kasintoh: Untuk Menelusuri Jati Diri Warisan dan Masa Depan Puak Dusun', amat bertepatan dengan aspirasi kita.

Menurutnya, 'Kasintoh' membawa makna mendalam, mengajak mereka mengenang sesuatu pada masa lalu untuk menelusuri akar budaya, menilai warisan, dan merancang masa depan.

Simposium tersebut jelasnya, bukan sekadar wadah pertemuan, tetapi medan penyelidikan untuk menemukan pengetahuan baharu, menimbulkan serta melestarikan adat dan budaya agar terus hidup dalam jiwa generasi akan datang.

Tambahnya lagi, apabila mereka saling mengenali adat dan budaya, maka keamanan dan perpaduan dapat dibentuk. Inilah yang diungkapkan dalam moto bahasa Dusun: 'Saganao' - bersatu kita teguh, berpecah kita runtuh.

Beliau seterusnya berharap agar simposium berkenaan dapat membuka minda kepada para peserta mengenai adat dan budaya puak Dusun.

Sementara itu, Pemangku Ketua Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Awang Suhaili bin Alas selaku pengerusi majlis, dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan mengenai tujuan utama simposium diadakan iaitu bagi menyediakan platform ilmiah untuk membentangkan kajian dan pemikiran berkaitan puak Dusun dan Bisaya, di samping menggalakkan dialog antara generasi mengenai warisan sosial, budaya, dan politik.

Selain itu, tambahnya, ia juga diadakan untuk memperkukuh jaringan kerjasama antara cendekiawan Dusun dan Bisaya dari Brunei, Sarawak, dan Sabah; serta meningkatkan kesedaran awam terhadap kepelbagaian dan kekayaan identiti kedua-dua puak ini.

Ia juga diadakan bagi tujuan untuk menghasilkan atau mencetak hasil penyelidikan mengenai puak Dusun dan Bisaya di negara ini yang masih belum ada, ujarnya lagi.

Simposium Puak Sang Jati Dusun 2026 Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu pengisian utama sempena sambutan perayaan Adau Gayoh 2026 yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Pengkalan Mau, Bakiau, dan Batang Mitus, dengan kerjasama Institusi Mukim dan Kampung Daerah Tutong serta Ahli Jawatankuasa Adat Tertinggi Adat Resam Dusun dan Bisaya Brunei Darussalam.

Simposium ini membawa tema yang cukup menyentuh sanubari iaitu 'KASINTOH', sebuah istilah dalam bahasa Dusun dan Bisaya yang bermaksud 'terkenang'.

Pemilihan tema ini bukan sekadar satu tajuk, malah merupakan satu seruan untuk menelusuri semula akar jati diri puak Dusun melalui lensa warisan silam bagi mencorak masa depan yang lebih gemilang.

Ia berfungsi sebagai platform ilmiah yang kritikal dalam membentangkan kajian mendalam serta pemikiran bernas mengenai keunikan identiti puak Dusun dan Bisaya, sekali gus memastikan naratif sejarah mereka terus segar dan relevan dalam arus kemodenan.

Sesi pembentangan makalah yang ditampilkan cukup mengagumkan, melibatkan tokoh-tokoh akademik dan pemimpin masyarakat yang mempunyai pertalian darah dengan keluarga Dusun dan Bisaya.

Perbincangan menyeluruh telah mengupas pelbagai dimensi kehidupan puak Sang Jati Dusun, bermula daripada kehalusan bahasa dan adat istiadat, sehingga kepada sejarah geografi, ekonomi tradisional, serta evolusi kepimpinan politik mereka dari zaman purbakala hingga ke era kontemporari.

Kepelbagaian topik ini memberikan gambaran holistik tentang bagaimana puak ini telah beradaptasi dan berkembang tanpa meminggirkan nilai-nilai tradisi.

Sebagai penutup, penganjuran simposium ini diharapkan dapat menjadi pencetus semangat kepada generasi muda untuk terus menghargai akar budaya mereka agar tidak hilang ditelan zaman.

Usaha murni ini bukan sekadar satu perkongsian ilmu, malah merupakan jambatan yang menghubungkan sejarah silam dengan aspirasi masa depan demi kelestarian identiti Puak Sang Jati Dusun yang unik dan berharga.

# PUPUK KESEDARAN PELAJAR MENGENAI GEJALA BULI





SESI taklimat tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada murid-murid mengenai maksud dan bentuk-bentuk buli, mendidik murid-murid tentang kesan negatif buli terhadap mangsa dan pelaku, dan memupuk sikap hormat menghormati serta kasih sayang sesama rakan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Mei. - Dalam usaha pihak sekolah mencegah dan mengatasi kes-kes buli di peringkat sekolah, Sekolah Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) Sungai Akar baru-baru ini telah mengundang pegawai-pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi memberikan taklimat mengenai bebas buli.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Inspektor Hamdan bin Mamtul; dan L/KPL 5674 Mohammad Meraji bin Shamsudin.

Seramai 224 murid terdiri daripada Tahun 3 hingga Tahun 6 menghadiri sesi taklimat berkenaan. Mereka juga berpeluang berinteraksi bersama para penceramah dan menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh penceramah.

Hadir semasa sesi taklimat berkenaan, Guru Besar Sekolah PGGMB Sungai Akar, Dayang Maswati Airin Patrah binti Ahmad, guru-guru kanan sekolah dan guru-guru kelas mengajar Tahun 3 hingga Tahun 6.

Taklimat berkenaan bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada murid-murid mengenai maksud dan bentuk-bentuk buli, mendidik murid-murid tentang kesan negatif buli terhadap mangsa dan pelaku, dan memupuk sikap hormat menghormati serta kasih sayang sesama rakan.

Selain itu, memberi pendedahan tentang langkah - langkah pencegahan dan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kejadian buli, mewujudkan suasana sekolah yang selamat, harmoni dan bebas daripada budaya buli, dan bagi menyokong Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan mempunyai kualiti hidup yang tinggi.

Menurut Dayang Maswati Airin Patrah, taklimat bebas buli berkenaan mendapat sambutan yang positif daripada murid-murid dan guru-guru. Murid-murid telah memberikan respon yang sangat baik khususnya mengetahui ciri-ciri dan tanda-tanda pembuli.

# Melazimkan amalan membaca Al-Quran sebagai amalan harian

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pengajian Al-Muflihun**





SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran dan Penghargaan kepada para pelajar Pusat Pengajian Al-Muflihun (atas dan kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Mei. - Pusat Pengajian Al-Muflihun baru-baru ini telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penghargaan bagi pelajar-pelajarnya yang telah pun menamatkan pembelajaran.

Majlis yang telah diadakan di ruangan D'Venue.Co, Batu Bersurat, Daerah Brunei dan Muara berkenaan disertai lebih daripada 50 peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengasas Pusat Pembelajaran Al-Muflihun, Awangku Abdul Qayum bin Pengiran Bakar.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Al-Muflihun, Awangku Abd. Qadi Wafi bin Pengiran Bakar, diikuti dengan bacaan khatam Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad secara beramai-ramai oleh para pelajar Pusat Pembelajaran Al-Muflihun.

Manakala, bacaan Doa Khatam Al-Quran pula dibacakan oleh Awang Adib Syaddad bin Nordin, iaitu salah seorang daripada pelajar yang diraikan pada majlis berkenaan.

Majlis diserikan lagi dengan ucapan penghargaan daripada Pengasas Pusat Pembelajaran Al-Muflihun, yang antara lain menekankan bahawa majlis berkenaan bukan sahaja bertujuan meraikan kejayaan pelajar, malah sebagai platform mengeratkan silaturahim dan memupuk semangat kebersamaan serta kecintaan terhadap kitab suci Al-Quran.

Seramai 17 pelajar telah pun menerima sijil penghargaan dan cenderamata sempena tamatnya pembelajaran Kelas Bimbingan Al-Quran 30 Juzuk. Manakala 15 orang lagi menerima sijil penghargaan bagi Program Khatam Ramadan. Program berkenaan merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Pembelajaran Al-Muflihun.

Antara objektif majlis berkenaan diadakan adalah bertujuan untuk meraikan kejayaan para pelajar yang telah pun tamat pembelajaran selain daripada memberikan galakan dan semangat yang berterusan dalam melazimkan amalan membaca Al-Quran sebagai amalan harian.

Di samping itu juga, penganjuran majlis berkenaan diharap akan terus menyemai budaya berdamping dengan Al-Quran serta mengukuhkan silaturahim dalam kalangan para pelajar mahupun bersama dengan masyarakat awam.



# TINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP ANCAMAN JENAYAH, KES PENDERAAN






TAKLIMAT Kesedaran Jenayah Siber dan Taklimat Kesedaran Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak diadakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan, terhadap ancaman jenayah semasa termasuk jenayah siber serta kes penderaan wanita dan kanak-kanak.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BERAKAS**, Isnin, 11 Mei. - Unit Kemasyarakatan dan Pengawasan Kejiranan, Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pagi tadi telah menganjurkan Aktiviti Sosial Pengawasan Kejiranan berupa Taklimat Kesedaran Jenayah Siber dan Taklimat Kesedaran Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pegawai Penguasa Balai Polis Berakas, Penolong Penguasa Polis Percubaan, Mohammad Elmi Shahri bin Haji Osman. Turut hadir, Penolong Pegawai Unit Perhubungan Awam, Inspektor Hamdan bin Mantul.

Sesi pertama dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak (USJPWKK), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), manakala sesi kedua diteruskan dengan taklimat daripada Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), JSJ, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Seramai 110 orang telah menghadiri taklimat tersebut yang terdiri daripada penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ahli-ahli pusat kegiatan dan Pusat Pertubuhan WARGAMAS Daerah Brunei dan Muara serta Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Daerah Brunei dan Muara.

Aktiviti seumpama ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan, terhadap ancaman jenayah semasa termasuk jenayah siber serta kes penderaan wanita dan kanak-kanak.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama dan hubungan erat di antara pihak polis dan komuniti dalam sama-sama memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara.



# MINDA PEMBACA

## Peranan masyarakat dalam melindungi kemudahan awam

**KEMUDAHAN** awam adalah prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi kemaslahatan dan kemudahan semua. Ini termasuk jalan raya, jambatan, jeti, lampu isyarat, perhentian bas dan taman rekreasi. Kemudahan awam di negara kita dibina di pelbagai tempat di desa mahupun bandar, biasanya menggunakan peruntukan pihak kerajaan ataupun melalui perkongsian awam - swasta (*public-private partnership*, PPP). Tidak dinafikan bahawa dengan tersedianya kemudahan ini, ia menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran sesebuah negara. Oleh yang demikian, melindunginya adalah peranan dan tanggungjawab bersama.

Salah satu peranan masyarakat dalam hal ini adalah untuk memantau secara pandangan mata (*visual inspection*) semasa menggunakannya dan melaporkan sebarang tindakan kerosakan atau pugut kepada pihak berkuasa dengan segera. Salah satu kaedah melaporkan adalah melalui Talian Darussalam 123 (TD123). Tindakan ini lebih baik daripada menularkan kepada media sosial kerana ia dapat disalah tafsirkan sebagai perkara yang boleh menimbulkan ketidaktenteraman dan keresahan dalam kalangan orang awam. Dari aspek lain, mengamalkan sikap tidak peduli dalam hal ini perlulah dikekang agar sebarang kemalangan atau kerugian dapat dibendung.

Peranan masyarakat yang tidak kurang penting adalah mengamalkan sifat bertanggungjawab dengan menggunakan kemudahan awam secara betul. Ini termasuk tidak menyalahgunakan kemudahan tersebut dengan merosakkannya dan menjaga kebersihan. Sifat ini dapat dibentuk sejak usia muda melalui didikan dari rumah dan institusi pendidikan. Dengan mengamalkan sifat ini, ia dapat menjadi teladan yang baik bagi generasi yang lebih muda.

Sesebuah masyarakat yang mengamalkan sifat bertanggungjawab dalam melindungi kemudahan awam akan dapat mengurangkan keperluan dan perbelanjaan pihak kerajaan bagi membaiki sebarang kerosakan. Wang yang dijimatkan pula dapat digunakan untuk mempertingkatkan atau membangunkan lebih banyak kemudahan awam di kawasan-kawasan lain yang lebih memerlukan. Secara kesimpulannya, melindungi kemudahan awam bukan sahaja dapat mengelak kerosakan atau tindakan pugut tetapi ia juga dapat memupuk sifat kesedaran yang perlu disemai dalam segenap lapisan masyarakat.

**Nama : Muhammad Naqib bin Haji Brahim**
**No. K/P : 00-321XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'.** Tarikh Tutup **: 13 Mei 2026**
2. **'Penglibatan Belia dalam Industri Pembinaan: Cabaran dan Peluang'.** Tarikh Tutup **: 20 Mei 2026**
3. **'Tingkatkan Kesedaran Pencegahan Penyakit Buah Pinggang'.** Tarikh Tutup **: 27 Mei 2026**

**Terma dan Syarat :**

Sementara itu Penulong Menteri Kebajikan Masharakat dan Pos, Y.B. Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang telah menghadiahkan sa-buah Perisai yang berharga untok di-jadikan Perisai Rebutan Perlawanan Bola Sepak tersebut.

Sa-buah lagi Perisai Rebutan untok perlawanan tersebut telah juga di-hadiahkan oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom. Perisai itu berharga lima ratus ringgit.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG:

## Kerani Tingkat Khas di-Pejabat Buroh

Permohonan2 ada-lah di-jemput untok memenohi satu jawatan kosong sebagai Kerani Bahagian "B I" Tingkat Khas di-Pejabat Buroh, Brunei.

*Kelayakan2 dan Pengalaman*:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Senior Cambridge dan berpengalaman dalam perkara2 perburohan. Pengetahuan dan pengalaman dalam kerja2 berkaitan dengan Pertubohan Buroh Antara Bangsa ada-lah satu keistimewaan.

*Gaji*: Dalam sukatan CI EB2 $570x30 - 630-EB/660x30 - 900.

*Sharat2 Lantekan*: Sechara berkontrek selama 3 tahun termasok masa perchubaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

*Baksis*: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 26 Mei, 1966.

## Penyelenggara Setor

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi dua jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat II di-Jabatan Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Brunei.

*Kelayakan2*: Chalon2 bagi pelantekan mesti-lah sudah berumor 17 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

*Gaji*: Dalam sukatan D2 EB3 $270x15 - 360/EB/380x20 - 480.

Permohonan2 yang mesti dipenohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 21 Mei, 1966.

# Ketua Jururawat Kesehatan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untok jawatan2 Ketua Jururawat Kesehatan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei (3 jawatan kosong).

Tugas2 jawatan ini termasok-lah menjaga Perkhidmatan Kesehatan Ibu2 dan Anak2 di-sebarang daerah di-Negeri ini.

*Kelayakan2*:

(i) Lulus S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

(ii) Mesti lulus dan mempunyai Sijil Pepereksaan bagi Pelawat Kesehatan.

(iii) Kalau boleh hendak-lah pandai bertutor dalam bahasa Melayu.

*Gaji*: Dalam sukatan BW1 $1020x40 - 1220 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong pada kelayakan2 dan pengalaman. Gaji pujokkan akan di-bayar sekira-nya berhak menurut Peratoran2.

*Tempoh Perkhidmatan*: Selama tiga tahun dan perkhidmatan boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

*Baksis*: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

*Chukai Pendapatan*: Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 Jun, 1966.

# 35 AHLI PEMODA SERTAI BENGKEL PELAN STRATEGIK 2026-2030



**SESI bergambar ramai para Ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) pada Bengkel Pelan Strategik PEMODA 2026-2030.**

**Oleh: Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto: Ihsan Persatuan Motosikal Darussalam**

**JERUDONG**, Isnin, 11 Mei. - Seramai 35 orang Ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) telah menghadiri Bengkel Pelan Strategik PEMODA 2026-2030 baru-baru ini bertempat di Star Lodge Hotel, Jerudong, anjuran persatuan berkenaan dalam merangka dan merancang draf pelan strategik persatuan untuk tempoh lima tahun akan datang selaras dengan usaha memperkukuhkan peranan PEMODA sebagai sebuah persatuan permotoran yang aktif, progresif dan berdaya saing di negara ini.

Juga hadir ialah pelopor-pelopor, mantan Yang Dipertua serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PEMODA yang turut sama memberikan pandangan, cadangan dan pengalaman dalam memperkasa hala tuju persatuan.

Sepanjang bengkel berlangsung, pelbagai perkara telah dibincangkan termasuk perancangan aktiviti tahunan, pembangunan kapasiti ahli, penglibatan belia dalam aktiviti permotoran, aspek keselamatan jalan raya, kebajikan ahli serta usaha memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan agensi kerajaan, pihak swasta dan komuniti permotoran di dalam dan luar negara.

Bengkel ini juga memberi peluang kepada ahli-ahli yang terlibat untuk menyumbangkan cadangan serta berkongsi pandangan dalam memastikan setiap aktiviti dan program yang akan diungkayahkan oleh persatuan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun, teratur dan berkualiti serta mampu memberi impak positif kepada perkembangan dan kemajuan PEMODA.

Selain itu, bengkel berkenaan turut menekankan kepentingan transformasi persatuan ke arah organisasi yang lebih dinamik dan mampan, di samping memperkukuhkan semangat perpaduan, kerjasama serta kesukarelawanan dalam kalangan ahli-ahli persatuan.

Melalui pelan strategik yang dirangka, PEMODA berharap akan terus menjadi platform yang mampu menyatukan komuniti penunggang motosikal di negara ini serta memainkan peranan aktif dalam menyokong pembangunan sukan dan rekreasi permotoran secara sihat, selamat dan berhemah.




## Padah memiliki 50 karton rokok, 24 botol minuman keras

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**TEMBURONG**, Selasa, 12 Mei. - Mahkamah Majistret Temburong menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND55,000 setiap seorang atau 20 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap dua lelaki warga tempatan.

Majistret Syaffina binti Shahif memutuskan hukuman berkenaan selepas Muhammad Affan Zulkernain bin Berundang @ Dimas anak Berundang (D1), berusia 31 tahun; dan Mohammad Rafie bin Nokman (D2), berusia 29 tahun mengaku bersalah atas dua pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua defendan didakwa atas kesalahan memiliki 50 karton rokok dan 24 botol minuman keras tanpa kebenaran sah yang ditemui di hadapan Masjid Puni, Temburong.

Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, Balai Polis Bangar Temburong telah menjalankan tangkapan terhadap kedua-dua defendan pada 2 Disember 2024, jam 8.55 malam.

Sementara semua barang yang terlibat, iaitu rokok dan minuman keras juga dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

## Akibat miliki barang tegahan kastam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Mei. - Seorang perempuan warganegara Republik Indonesia dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND63,340 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahran menjatuhkan hukuman berkenaan ke atas Lilik Anggraini, berusia 40 tahun di Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendan mengaku bersalah memiliki 178 karton rokok dan 11 paket rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Bandar Seri Begawan di sebuah rumah kawasan Jalan Pasir Berakas pada 6 Mei 2026, jam 10.00 malam.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan.

## Tekankan nilai kesukarelawanan, kerjasama, tanggungjawab sosial



**ANTARA yang hadir menyertai Program F.O.R.G.E Forward Siri Ketiga dengan tema 'Beach Clean Up: Cleansing the SOL' yang berlangsung di Pantai Serasa, Muara.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Belia Masjid Ash-Shaliheen**

**SERASA**, Selasa, 12 Mei. - Belia Masjid Ash-Shaliheen meneruskan lagi Program F.O.R.G.E Forward Siri Ketiga dengan tema 'Beach Clean Up: Cleansing the SOL' yang diadakan di Pantai Serasa, Muara.

Program tersebut merupakan salah satu inisiatif berterusan Belia Masjid Ash-Shaliheen sebagai platform pembentukan sahsiah, pembangunan kepimpinan serta pengambilan ahli baharu dalam Belia Masjid Ash-Shaliheen.

Siri ketiga program ini bertujuan untuk menanam kesedaran dalam diri para peserta mengenai pentingnya peranan belia dalam berkhidmat dan memberi manfaat kepada masyarakat, bukan sahaja di dalam masjid bahkan juga di luar persekitarannya.

Pengisian utama program yang disertai oleh 21 peserta ini ialah kempen pembersihan pantai dan aktiviti kitar semula yang dijalankan dengan kerjasama Green Brunei bagi sama-sama menjayakan usaha pemeliharaan alam sekitar.

Melalui program tersebut, para peserta berpeluang mempraktikkan nilai kesukarelawanan, kerjasama dan tanggungjawab sosial dalam suasana yang penuh semangat ukhuwah. Selain itu, peserta turut didedahkan bahawa amalan menjaga kebersihan merupakan sebahagian daripada tuntutan Islam serta amanah bersama sebagai seorang Muslim dalam memelihara kesejahteraan alam sekitar.

Antara pengajaran yang diterapkan sepanjang program ialah nilai keikhlasan dalam berkhidmat kepada masyarakat serta mendahulukan kepentingan ummah melebihi kepentingan diri sendiri. Program sedemikian juga diharap dapat melahirkan generasi belia yang lebih prihatin, proaktif dan berjiwa sukarelawan.

Program F.O.R.G.E Forward bukan sekadar aktiviti kemasyarakatan biasa, malah berperanan sebagai medium pemerkasaan rohani dan pembangunan jati diri belia Islam agar lebih bersedia untuk tampil ke hadapan dalam menyumbang kepada masyarakat dengan membawa nilai-nilai Islam yang positif dan bermanfaat.

BERITA GLOBAL

# 94 INDIVIDU DIPINDAHKAN DARI KAPAL PERSIARAN DILANDA WABAK HANTAVIRUS

**MADRID**, 11 Mei. - Seramai 94 penumpang dan anak kapal telah dipindahkan pada Ahad dari kapal persiaran Hondius yang terjejas akibat wabak Hantavirus, menurut Menteri Kesihatan Sepanyol.

Individu dari 19 negara meninggalkan Kepulauan Canary menggunakan lapan pesawat khas, kata Menteri Kesihatan Sepanyol Monica Garcia kepada wartawan di Tenerife, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Pada petang Isnin, sebuah pesawat dari Belanda dan sebuah lagi dari Australia dijadual dikerahkan untuk membawa keluar masing-masing enam dan 18 lagi individu yang terjejas.

Operasi pemindahan itu dilakukan kira-kira seminggu selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mula melaporkan bahawa tiga penumpang Hondius, pasangan warga emas warga Belanda dan seorang wanita warga Jerman, meninggal dunia dalam wabak Hantavirus yang disyaki.

Sebelum operasi pada Ahad bermula, doktor menjalankan pemeriksaan epidemiologi di atas kapal berkenaan. Tiada gejala dikesan dalam kalangan 152 individu yang berada di atas kapal itu. Seorang warga Perancis mula menunjukkan gejala selepas dipindahkan, kata Garcia sambil menambah bahawa pihak berkuasa Perancis akan "melaksanakan protokol mereka."

Menurut Garcia, seramai 34 individu, kebanyakannya anak kapal, akan terus berada di atas kapal dan belayar pulang ke Belanda dengan Hondius. Menteri itu berkata operasi berkenaan setakat ini berjalan lancar dan menyifatkannya sebagai "hari yang sangat baik hari ini."

Menurut WHO, terdapat enam kes Hantavirus yang disahkan dan dua kes disyaki, dengan tiga daripadanya membawa maut. Selepas semua penumpang turun dari kapal, Hondius akan meneruskan pelayaran ke Rotterdam bersama sebahagian anak kapalnya.

Mayat mangsa warga Jerman hanya akan dibawa keluar sebaik kapal itu tiba di sana dan kapal berkenaan turut akan menjalani proses nyahjangkit. Hondius memulakan pelayarannya di Argentina pada 1 April, berlabuh di Cape Verde sebelum berlepas ke Kepulauan Canary pada petang Rabu.

Memandangkan lebih 30 penumpang dan anak kapal turun semasa persinggahan kapal itu di beberapa lokasi, pihak berkuasa di seluruh dunia kini sedang mengesan kemungkinan kes disyaki. - ©BERNAMA

## UAE keluar OPEC persediaan hadapi peralihan tenaga global

**KUALA LUMPUR**, 11 Mei. - Keputusan Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk keluar daripada Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) awal bulan ini dilihat sebagai satu langkah persediaan menghadapi perubahan dunia yang semakin beralih kepada tenaga alternatif dan boleh diperbaharui.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr.Mohd. Iqbal Mohd. Noor berkata, UAE berkemungkinan melihat permintaan terhadap minyak akan merosot menjelang tahun 2050, memandangkan banyak negara kini mula beralih kepada penggunaan tenaga solar, angin dan kenderaan elektrik.

"UAE mungkin dia dah nampak dalam tahun 2040, 2050 ni orang dah tak guna sangat minyak. Jadi bila orang dah tak guna sangat minyak, dia rasa lebih baikdia jual sebanyak yang mungkin sekarang," katanya dalam program Apa Khabar Malaysia di Bernama TV, pada Isnin.

Menurut beliau, negara Telukitu mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan sehingga lima juta tong minyak sehari, namun kuota OPEC mengehadkan pengeluaran mereka kepada sekitar 3.5 juta tong sahaja.

Mohd. Iqbal berkata pengunduran UAE daripada OPEC yang bertindak sebagai 'pengawal' yang memastikan harga kekal konsisten melalui kawalan bekalan, mungkin menyebabkan harga minyak global menjadi kurang stabil dan sukar diramal.

Menyentuh tentang lonjakan harga semasa, beliau menegaskan bahawa buat masa ini isu utamanya bukanlah jumlah pengeluaran, tetapi gangguan geopolitik akibat penutupan jalan perdagangan penting seperti Selat Hormuz yang menjejaskan rantaian logistik global.

Beliau berkata Malaysia perlu bersedia untuk perubahan ini dengan mempelbagaikan sumber alternatif dan mencari laluan kapal atau pembekal baharu bagi memastikan kos tenaga negara kekal terkawal.

UAEkeluar daripada OPEC, OPEC+ serta Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum Arab (OAPEC) berkuat kuasa 1 Mei lepas. - ©BERNAMA

## Indonesia tegaskan komitmen lindungi pekerja migran di forum migrasi PBB

**JAKARTA**, 11 Mei. - Indonesia mengulangi komitmennya untuk memperkukuh perlindungan pekerja migran semasa Forum Semakan Migrasi Antarabangsa (IMRF) Kedua 2026 yang berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.

Indonesia menyatakan komitmen itu melalui Penjelasan Undi yang disampaikan selepas Deklarasi Kemajuan diterima pakai secara konsensus oleh semua negara anggota PBB pada Jumaat.

Ketua Pengarah Perlindungan Kementerian Perlindungan Pekerja Migran Indonesia (KP2MI), Rinardi berkata negara itu menyokong penuh Deklarasi Kemajuan berkenaan sebagai rujukan bagi tadbir urus migrasi global bagi tempoh 2026-2030 di bawah kerangka Perjanjian Global bagi Migrasi yang Selamat, Teratur dan Terancang (GCM).

"Indonesia menyokong penuh Deklarasi Kemajuan ini tanpa sebarang keraguan. Hak dan maruah pekerja migran mesti kekal menjadi keutamaan dalam tadbir urus migrasi global," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Rinardi berkata Indonesia mengetengahkan tiga perkara utama dalam Penjelasan Undinya iaitu sokongan penuh terhadap deklarasi, pengiktirafan bahawa setiap negara menghadapi realiti migrasi yang berbeza serta kepentingan kerjasama antara negara asal, transit dan destinasi.

"Perbezaan realiti migrasi dalam kalangan negara-negara ini mengukuhkan lagi keperluan mendesak untuk dialog dan kerjasama yang saksama dalam tadbir urus migrasi global," katanya.

Beliau berkatakerjasama yang lebih erat dan perkongsian praktikal antara negara adalah penting bagi memastikan perlindungan yang berkesan serta mampan untuk pekerja migran.

Menurut Rinardi, Kerajaan Indonesia melalui KP2MI komited untuk melaksanakan deklarasi itu bagi memperkukuh perlindungan terhadap lebih lima juta pekerja migran Indonesia yang bekerja di luar negara.

Forum IMRF 2026 yang berlangsung dari 4 hingga 8 Mei itu menghasilkan Deklarasi Kemajuan yang akan berfungsi sebagai rujukan dasar global bagi tadbir urus migrasi sehingga tahun 2030. - ©BERNAMA

## Kerajaan Australia tambah peruntukan US$1.45 bilion untuk infrastruktur perumahan

**CANBERRA**, 11 Mei. - Kerajaan Australia akan membuat pelaburan tambahan A$2 bilion (kira-kira US$1.45 bilion) bagi menangani isu perumahan, kata Bendahari Australia Jim Chalmers pada Ahad, lapor Xinhua.

Sambil menyifatkan pasaran perumahan sebagai antara isu besar dalam ekonomi Australia, Chalmers memberitahu sidang media di Canberra bahawa pelaburan itu bertujuan memacu pembinaan 65,000 rumah baharu.

Menurut beliau, ia adalah sebahagian daripada pelaburan bernilai A$47 bilion untuk menangani cabaran perumahan, dan dana perumahan itu akan menjadi tumpuan utama dalam Belanjawan Persekutuan yang akan dibentangkan minggu depan.

Menteri Perumahan Clare O'Neil berkata dana itu merupakan "sumbangan baharu yang sangat penting kepada agenda A$47 bilion itu" dan akan digunakan bagi membina infrastruktur yang diperlukan.

Menyentuh mengenai Belanjawan Persekutuan akan datang, Chalmers berkata antara cabaran besar adalah untuk mengiktiraf dan bertindak balas terhadap tekanan yang berpunca daripada situasi di Asia Barat.

Inflasi diramal meningkat akibat peperangan di Asia Barat dan rakyat Australia terpaksa membayar harga yang tinggi susulan konflik itu, katanya sambil menambah bahawa perkara itu telah diambil kira dalam belanjawan berkenaan. Kerajaan Australia dijangka membentangkan Belanjawan Persekutuan pada Selasa malam. - ©BERNAMA

## China, AS adakan rundingan perdagangan di Korea Selatan dari 12-13 Mei - Kementerian Perdagangan

**BEIJING**, 11 Mei. - China dan Amerika Syarikat (AS) akan mengadakan rundingan mengenai isu perdagangan dan ekonomi di Korea Selatan dari 12 hingga 13 Mei, umum Kementerian Perdagangan China pada Isnin, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Selaras dengan perjanjian antara China dan Amerika Syarikat, He Lifeng, ahli Biro Politik Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China merangkap Naib Perdana Menteri Majlis Negara Republik Rakyat China, akan mengetuai delegasi ke Korea Selatan dari 12 hingga 13 Mei bagi mengadakan rundingan perdagangan dan ekonomi dengan Amerika Syarikat," menurut kementerian itu.

Kementerian itu turut menyatakan bahawa kedua-dua pihak akan mengadakan rundingan mengenai isu perdagangan dan ekonomi yang mempunyai kepentingan bersama, berpandukan perjanjian penting yang dicapai semasa Sidang Kemuncak Busan serta perbualan telefon antara ketua negara kedua-dua negara.

Rundingan itu akan berlangsung menjelang lawatan negara Presiden AS Donald Trump ke China dari 13 hingga 15 Mei ini. - ©BERNAMA

## 5 suspek pemburu haram badak sumbu maut dalam berbalas tembakan dengan polis Afrika Selatan

**JOHANNESBURG**, 11 Mei. - Lima suspek pemburu haram badak sumbu maut dalam satu kejadian berbalas tembakan dengan pihak polis di Wilayah KwaZulu-Natal, Afrika Selatan pada Sabtu malam, lapor Xinhua memetik kenyataan polis pada Ahad.

Jurucakap Polis KwaZulu-Natal, Robert Netshiunda berkata pihak polis telah melancarkan operasi sekatan jalan raya dan pemeriksaan di kawasan Hluhluwe selepas menerima maklumat risikan bahawa sekumpulan suspek akan melalui jalan R618 berhampiran sebuah rizab mergastua.

Insiden tembakan bermula sebaik sahaja suspek tiba di sekatan jalan raya berkenaan yang mengakibatkan lima suspek cedera parah dan disahkan maut di tempat kejadian, katanya.

Pihak polis turut menemukan senapang pemburu yang dilengkapi penyenyap bunyi serta dua pistol di lokasi kejadian. Tiada pegawai polis yang tercedera dalam insiden itu.

Kejadian berbalas tembakan itu berlaku berhampiran Taman Hluhluwe-iMfolozi, yang merupakan satu daripada kawasan pemuliharaan badak sumbu utama di Afrika Selatan. Taman itu memainkan peranan penting dalam pemulihan populasi badak sumbu putih selatan, namun sering berdepan ancaman pemburuan haram yang berterusan.

Pada Februari, Jabatan Perhutanan, Perikanan dan Alam Sekitar memaklumkan bahawa negara itu mencatatkan penurunan sebanyak 16 peratus bagi kes pemburuan haram badak sumbu pada 2025 berbanding tahun sebelumnya, mencerminkan kemajuan dalam usaha memerangi pemburuan dan perdagangan haram hidupan liar.

Di Wilayah KwaZulu-Natal, kes pemburuan haram badak sumbu menurun secara mendadak daripada 232 kes pada 2024 kepada 97 kes pada 2025. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# THAILAND LANCAR OPERASI BESAR-BESARAN BANTERAS RANGKAIAN JENAYAH WARGA ASING

**BANGKOK**, 12 Mei. - Thailand melancarkan operasi besar-besaran di seluruh negara bagi membanteras rangkaian jenayah warga asing dengan Polis Diraja Thailand diarahkan 'menyaring' kawasan berisiko tinggi yang didiami warga asing serta melumpuhkan sindiket terbabit dalam jenayah siber, pengedaran dadah, perniagaan haram dan penyeludupan manusia.

Jurucakap Polis Diraja Thailand Lt Gen Pol Trairong Phiwphan berkata Ketua Polis Pol Gen Kitrat Phanphet mengarahkan semua unit segera memperhebat penguatkuasaan terhadap warga asing yang melanggar undang-undang, susulan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap jenayah rentas sempadan dan operasi haram yang menjejaskan keselamatan awam serta ekonomi.

Beliau berkata operasi itu menyasarkan warga asing yang disyaki terbabit dalam pengedaran narkotik, kesalahan ekonomi dan kastam, jenayah siber, pelacuran, pemerdagangan manusia, imigresen haram serta skim perniagaan nominee.

"Ketua Polis mengarahkan semua unit menguatkuasakan undang-undang dengan tegas dan mengambil tindakan undang-undang terhadap semua pesalah," kata beliau dalam satu kenyataan pada Selasa.

Trairong berkata di bawah fasa pertama, yang dinamakan 'X-ray, Mobilise, Sweep', pihak berkuasa akan menjalankan kempen selama tiga bulan di seluruh negara dengan memberi tumpuan kepada lokasi yang menjadi tumpuan atau penempatan ramai warga asing.

Beliau berkata Polis Diraja Thailand juga sedang mempertimbangkan penubuhan Pasukan Petugas Bersama dengan agensi termasuk Kementerian Perdagangan, Kementerian Kewangan, Pejabat Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Bank of Thailand, Jabatan Kastam, Jabatan Eksais dan Jabatan Tanah bagi memperkukuh penguatkuasaan serta perkongsian risikan.

"Sebagai sebahagian daripada langkah jangka sederhana dalam tempoh enam hingga sembilan bulan akan datang, Biro Imigresen dan agensi berkaitan akan menyemak rekod imigresen, meneliti perniagaan milik warga asing serta mengesahkan lanjutan visa bagi menutup kelompangan yang dieksploitasi rangkaian jenayah," katanya.

Beliau berkata pihak berkuasa juga akan mengkaji pindaan terhadap undang-undang dan peraturan berkaitan bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan, manakala penyiasat diarah memperluas siasatan bagi melumpuhkan sindiket jenayah 'hingga ke akar umbi'.

Trairong berkata mana-mana pegawai kerajaan yang didapati bersekongkol dengan pesalah akan berdepan tindakan undang-undang, tatatertib dan pentadbiran serta-merta.

Bagi jangka panjang, polis merancang mewujudkan sistem pangkalan data bersepadu yang dihubungkan dengan platform 'One Police' milik Polis Diraja Thailand bagi meningkatkan pemantauan warga asing di seluruh negara dan memperkukuh penyelarasan dengan agensi penguatkuasaan undang-undang antarabangsa, termasuk INTERPOL. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 10 maut akibat cuaca ekstrem di Afrika Selatan

**CAPE TOWN**, 12 Mei. - Sekurang-kurangnya 10 orang maut akibat cuaca ekstrem di beberapa wilayah di Afrika Selatan, lapor Xinhua memetik kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Presiden pada Isnin.

Presiden Cyril Ramaphosa menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban akibat hujan lebat, banjir, ribut petir, angin kencang dan salji.

Kerajaan mengisytiharkan bencana negara melalui Pusat Pengurusan Bencana Negara susulan kematian, kerosakan infrastruktur, gangguan perkhidmatan dan perpindahan penduduk.

Cuaca ekstrem menjejaskan enam wilayah iaitu Western Cape, Eastern Cape, Northern Cape, North West, Free State dan Mpumalanga sejak 4 Mei.

Antara kematian yang dilaporkan termasuk seorang pekerja sosial yang maut selepas pokok tumbang menghempap keretanya di Knysna, tiga orang maut dalam kejadian banjir di Northern Cape, serta seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun yang dihanyutkan arus di wilayah North West.

Pihak berkuasa Western Cape turut melaporkan tiga lagi kematian yang masih disiasat.

Perkhidmatan Cuaca Afrika Selatan memberi amaran bahawa hujan lebat dan angin kencang dijangka berterusan hingga Selasa. - ©BERNAMA

# Australia sahkan 6 penumpang kapal persiaran terdedah hantavirus dalam keadaan baik

**ISTANBUL**, 12 Mei. - Australia pada Selasa memaklumkan bahawa kesemua enam penumpang kapal persiaran yang terdedah kepada wabak hantavirus berada dalam "keadaan baik" dan akan dikuarantin sebaik pulang ke negara itu, lapor Anadolu Ajansi.

Menteri Kesihatan Mark Butler dalam temu bual dengan ABC News berkata lima rakyat Australia dan seorang warga New Zealand dari kapal persiaran MV Hondius yang dikaitkan dengan wabak hantavirus itu dijangka tiba di Belanda sebelum meneruskan perjalanan ke Australia.

"Mereka dijadual tiba pada 8.10 pagi waktu tempatan dan akan ditempatkan dipusat kuarantin sementara urusan penerbangan dari Belanda ke Australia dimuktamadkan," katanya.

Menteri itu menyifatkan urusan penerbangan untuk membawa pulang penumpang terbabit sebagai satu tugas yang "sukar" dan berkata mereka dijangka pulang dalamminggu ini.

Butler berkata kerajaan Australia sedang menyelaras dengan Jabatan Hal Ehwal Luar bagi mengatur penerbangan dengan kru yang bersedia menjalani pengasingan selepas membawa penumpang berkenaan.

Sebaik tiba di Australia Barat, penumpang terbabit akan ditempatkan di pusat kuarantin khas selama kira-kira tiga minggu.

Pihak berkuasa kemudian akan menentukan pemantauan tambahan yang diperlukan sepanjang tempoh inkubasi virus selama 42 hari.

Menteri itu berkata langkah kuarantin yang dilaksanakan Australia melangkaui pendekatan kebanyakan negara lain yang membawa pulang penumpang kapal persiaran, yang kebanyakannya hanya memerlukan beberapa hari kuarantin berpusat sebelum menjalani pengasingan di rumah.

Wabak membabitkan strain Andes bagi hantavirus itu telah mengakibatkan lima kes disahkan, termasuk tiga kematian, menurut pegawai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). - ©BERNAMA

# Venezuela tolak kemungkinan jadi negeri ke-51 AS

**CARACAS**, 12 Mei. - Pemangku Presiden Venezuela Delcy Rodriguez pada Isnin menolak kemungkinan negara Amerika Selatan itu menjadi negeri ke-51 Amerika Syarikat (AS), lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Ia sama sekali tidak mungkin dan tidak akan berlaku kerana jika ada satu perkara yang dimiliki rakyat Venezuela, ia adalah kecintaan terhadap proses kemerdekaan kami. Kami akan terus mempertahankan keutuhan, kedaulatan dan kemerdekaan kami," kata Rodriguez kepada pemberita selepas meninggalkan Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Hague.

Fox News pada Isnin melaporkan, memetik temu bual telefon dengan Donald Trump, bahawa presiden AS itu sedang mempertimbangkan secara serius untuk menjadikan Venezuela sebahagian daripada AS.

"Presiden Trump tahu bahawa kami sedang mengusahakan agenda diplomatik berasaskan kerjasama, dan itulah haluan yang kami pilih," kata Rodriguez.

Trump secara berseloroh membayangkan untuk menjadikan Venezuela sebagai negeri ke-51 AS ketika beliau mengucapkan tahniah kepada pasukan besbol kebangsaan Venezuela selepas menewaskan Republik Itali dalam separuh akhir World Baseball Classic pada Mac.

Beliau mengaitkan kemenangan itu dengan kerjasama Caracas dan Washington.

AS dan Venezuela mula memulihkan hubungan diplomatik susulan serangan udara Washington ke atas Caracas pada awal Januari bagi menangkap Presiden Nicolas Maduro dan isterinya.

Trump turut mengumumkan hasrat untuk menguasai minyak Venezuela. - ©BERNAMA

# 4 maut dalam nahas pesawat dekat gurun Sossusvlei di Namibia

**WINDHOEK**, 12 Mei. - Empat individu maut apabila sebuah pesawat ringan terhempas di kawasan Sossusvlei, Namibia, lapor Xinhua memetik pengendali sewaan tempatan Desert Air pada Isnin.

Menurut syarikat itu bangkai pesawat yang dilaporkan hilang pada Ahad ditemukan pada pagi Isnin di kawasan Sossusvlei, destinasi pelancongan popular di Gurun Namib, Namibia.

Mangsa terdiri daripada juruterbang pesawat dan tiga penumpang.

"Tiada mangsa terselamat," kata Ketua Pegawai Eksekutif Desert Air Willem de Wet dalam satu kenyataan.

Menurut syarikat itu, punca nahas masih disiasat dan orang ramai diminta tidak membuat spekulasi sehingga penemuan awal dikeluarkan pihak berkuasa penerbangan berkaitan.

Tiada butiran lanjut mengenai identiti mangsa didedahkan setakat ini. - ©BERNAMA

# Masjid Nabawi sedia perkhidmatan bersepadu untuk warga emas, OKU

**MADINAH**, 12 Mei. - Sistem perkhidmatan bersepadu untuk warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) disediakan di Masjid Nabawi serta kawasan sekitarnya sepanjang musim haji kali ini.

Agensi Berita Arab Saudi (SPA) melaporkan sistem itu bertujuan memudahkan pergerakan golongan itu selain membolehkan mereka menunaikan ibadah serta melakukan ziarah dengan mudah dan tenang, sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengunjung Masjid Nabawi.

Perkhidmatan itu termasuk memudahkan akses dan pergerakan di dalam Masjid Nabawi dengan menyediakan kerusi roda elektrik dan manual serta kenderaan pengangkutan di lokasi tertentu, selain melengkapkan laluan, pintu masuk dan lif bagi memudahkan pergerakan penerima manfaat di dalam masjid dan kawasan dataran.

Laluan khas dan lokasi bersesuaian turut disediakan bagi memenuhi keperluan warga emas dan OKU ketika bergerak dan menunaikan solat.

Pasukan lapangan dan pasukan bimbingan turut menyediakan bantuan secara langsung kepada penerima manfaat di beberapa lokasi dalam kawasan pusat dengan membantu mereka mengakses ruang solat, kemudahan dan perkhidmatan, selain membantu mengawal pergerakan ketika waktu puncak bagi meningkatkan keselamatan dan memastikan kelancaran pergerakan.

Selain itu, perkhidmatan digital turut memudahkan akses menerusi peta interaktif yang disediakan melalui kod respons pantas (QR) di pintu masuk kawasan dataran Masjid Nabawi, di samping perkhidmatan digital pintar yang lain.

Perkhidmatan sokongan merangkumi tandas yang dilengkapi kemudahan khas serta kemudahan yang disediakan khusus, selain perkhidmatan pandu arah dan bimbingan dalam beberapa bahasa bagi membantu penerima manfaat tiba ke destinasi mereka serta mengakses perkhidmatan yang disediakan dengan mudah.

Usaha itu turut disepadukan dengan perkhidmatan pengangkutan, pengurusan orang ramai, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan kecemasan di kawasan pusat bagi memastikan persekitaran yang selamat dan mudah diakses yang memenuhi keperluan warga emas dan OKU, sekali gus memperkayakan pengalaman mereka sepanjang berada di Masjid Nabawi dan kawasan sekitarnya sepanjang musim haji. - ©BERNAMA

# LIMBANG FC, GERGASI FC UJI KELEBIHAN




SUASANA perlawanan di antara Pasukan Limbang FC dengan Gergasi FC pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan yang diadakan di Kompleks Sukan Temburong, Batu Apoi.

**Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**

**TEMBURONG**, Isnin, 11 Mei. - Pasukan Limbang FC dan Gergasi FC mempamerkan kemantapan serta menguji kelebihan masing-masing pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan diadakan di Kompleks Sukan Temburong, Batu Apoi, di sini.

"Perlawanan persahabatan ini menjadi medan terbaik bagi kedua-dua pasukan untuk menguji kemampuan masing-masing sebelum menghadapi kejohanan sebenar musim ini.

"Pasukan kami kini berada dalam fasa pembentukan skuad menjelang saingan Liga Premier Sarawak yang dijangka bermula pada Julai nanti," jelas Ketua Jurulatih Limbang FC, Bulhaji Wahab selepas menyaksikan pasukannya seri 2-2.

Secara keseluruhan, katanya, perlawanan itu memberikan banyak pengajaran terutama dari aspek kelemahan yang masih perlu diperbaiki, di samping mengharapkan komitmen penuh daripada semua pemain.

"Kami yakin menerusi perlawanan persahabatan ini, Limbang FC akan mampu memberikan impak positif serta membantu memperkemaskan persiapan menjelang cabaran sebenar nanti bagi kedua-dua pasukan," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Gergasi FC, Awang Haji Rozaimienizam Haji Jainal pula memuji anak buahnya yang berjaya mengekalkan tempo permainan dan menunjukkan semangat juang yang tinggi apabila dan bangkit untuk mengikat jaringan menjadi 2-2.

"Perlawanan ini menjadi cabaran dalam membentuk keserasian dan posisi mantap pemain ketika kami baru membentuk pasukan. Namun, saya gembira pemain-pemain bijak mengawal tekanan daripada pasukan lawan yang sentiasa berusaha mencari jaringan," ujarnya sambil mengakui pemain-pemain perlu terus gigih berusaha meningkatkan prestasi kerana perjalanan Gergasi FC masih jauh.

Perlawanan berkenaan turut disaksikan oleh Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Bahagian Limbang, Awang Frederick Lalung Ngilo dan Pengerusi Gergasi FC, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang serta CEO Gergasi FC, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey.

# RTG teroka acara baharu berpotensi sumbang emas pertama Sukan Olimpik

**KUALA LUMPUR**, 12 Mei. - Program Road to Gold (RTG) akan meneroka sukanbaharu yang berpotensi menghadiahkan pingat emas pertama negara pada Sukan Olimpik, kata Menteri Belia dan Sukan Dr Mohammed Taufiq Johari.

Beliau berkata pendekatan itu akan dibincangkan dalam mesyuarat RTG pada 19 Mei ini, susulan keperluan melihat landskap sukan negara secara lebih luas dan tidak tertumpu kepada sukan tertentu sahaja.

"Kami harus melihat landskap sukan itu lebih luas lagi, kami tidak hanya terperangkap pada sukan yang sama.

"Kami ingin membuka lembaran yang lebih luas untuk sukan-sukan Malaysia ini kerana tujuan dan matlamat asal RTG adalah untuk memperoleh emas pertama," katanya selepas menyaksikan pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) kerjasama strategik antara Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi tempoh 2026 hingga 2030 di sini hari ini.

Beliau berkata hasil mesyuarat RTG itu, termasuk pelan tindakan program berkenaan akan diumumkan kepada media selepas mesyuarat selesai.

Dr Mohammed Taufiq berkata antara perkara yang akan dibincangkan ialah aspek peruntukan dan kaedah menyesuaikan pelaksanaan program dengan bajet sedia ada.

Buat masa ini, hanya empat acara sukan berada di bawah program RTG, iaitu badminton, berbasikal trek, angkat berat dan skuasy.

Badminton mempunyai senarai atlet paling banyak dengan 13 pemain, diikuti berbasikal trek (dua), manakala angkat berat dan skuasy masing-masing mempunyai seorang wakil.

Sementara itu, Presiden KHM Datuk Seri Subahan Kamal berkata badan induk itu bersikap realistik berhubung peluang sukan hoki yang disenaraikan dalam program RTG bertujuan memburu pingat emas pertama Malaysia pada Sukan Olimpik.

"Sejujurnya saya rasa ini bukan panggilan kami, ia terpulang kepada kementerian dan kerajaan. Kami faham RTG adalah mengenai usaha mendapatkan pingat emas pertama negara pada Sukan Olimpik.

"Buat masa ini agak sukar untuk hoki memenangi emas. Jadi, dengan sokongan seperti ini pun sudah cukup baik. Kami ambil satu langkah pada satu masa dan tidak memaksa untuk berada dalam RTG. - ©BERNAMA

# Republik Indonesia sasar bida jadi tuan rumah Piala Dunia Futsal FIFA 2028

**JAKARTA**, 12 Mei. - Republik Indonesia sedang menyiapkan bidaan untuk menjadi tuan rumah Piala Dunia Futsal FIFA 2028 susulan kejayaan negara itu menganjurkan Piala Asia Futsal AFC 2026 awal tahun ini.

Menteri Belia dan Sukan Republik Indonesia Erick Thohir berkata perbincangan mengenai rancangan tersebut dikemukakan kepada FIFA semasa Kongres Ke-76 organisasi itu di Vancouver, Kanada, pada 30 April lalu.

"Ya, ia disampaikan semalam. Selepas ini, sudah tentu FIFA yang akan membuat keputusan," katanya kepada pemberita di Kongres Biasa Persekutuan Futsal Indonesia (FFI) 2026, di sini, pada Selasa menurut Agensi Berita Antara.

Sementara itu, Pengerusi FFI Michael Sianipar menyifatkan penganjuran Piala Dunia Futsal FIFA sebagai 'impian bersama', sambil menyatakan yang impian itu semakin memuncak selepas kejayaan Republik Indonesia mengendalikan Piala Asia Futsal AFC 2026. - ©BERNAMA